



OWNER'S MANUAL

FZ150i

2CB-F8199-30



Sila baca buku panduan ini dengan teliti dan sepenuhnya sebelum menggunakan motosikal ini.

Selamat datang ke dunia motosikal Yamaha!

Sebagai pemilik motosikal FZ150i anda bertuah kerana Yamaha mempunyai pengalaman yang amat luas dan teknologi baru terhadap reka bentuk dan pengeluaran produk yang berkualiti tinggi, di mana ianya memberikan Yamaha reputasi yang benar-benar boleh diharapkan. Sila luangkan masa membaca buku panduan ini, supaya dapat mengetahui kesemua kelebihan dan keistimewaan motosikal FZ150i. Buku panduan ini bukan hanya memberitahu bagaimana untuk menyelenggara, memeriksa dan penjagaan motosikal, tetapi juga bagaimana untuk melindungi diri dan orang lain daripada masalah dan kecederaan.

Sebagai tambahan, banyak panduan-panduan yang di berikan di dalam buku panduan ini, akan membantu anda untuk mengekalkan keadaan motosikal anda dalam keadaan yang terbaik. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi wakil penjual Yamaha.

Kami dan pasukan Yamaha, mendoakan semoga perjalanan anda selamat dan menyenangkan. Oleh itu, ingatlah untuk mengutamakan keselamatan!. Yamaha akan terus mencari kemajuan dalam rekabentuk dan kualiti produk. Oleh itu, ianya mengandungi informasi yang terkini semasa buku panduan ini dicetak, ia mungkin mengandungi sedikit perselisihan informasi antara motosikal dan buku panduan. Jika terdapat pertanyaan mengenai buku panduan, hubungi wakil Yamaha.



AMARAN

Sila baca buku ini dengan teliti dan lengkap sebelum mengendaiikan motosikal ini.

MAKLUMAT PENTING PEMANDUAN

Maklumat penting di dalam buku panduan pemilik ini dapat dikelaskan dengan simbol seperti berikut:

	Ini simbol keselamatan berjaga-jaga. Untuk memberitahu mengenai risiko kemungkinan kemalangan. Patuhi semua mesej yang mempunyai simbol ini untuk mengelak daripada kemalangan atau kematian.
 AMARAN	AMARAN menandakan risiko dimana, jika tidak dielak, mungkin menyebabkan kecederaan serius atau kematian.
PERHATIAN	PERHATIAN menandakan tindakan berjaga-jaga yang perlu diambil untuk mengelak daripada kerosakan pada motosikal atau harta benda lain.
TIP	TIP memberikan maklumat penting untuk memudahkan atau menjelaskan langkah-langkah pengendalian motosikal.

FZ150i

Buku Panduan Pemilik

© 2013 oleh Yamaha Motor Co, Ltd.

Cetakan Pertama, Feb 2014

Hak cipta terpelihara.

**Tidak boleh diterbitkan semula, disimpan
dalam cara yang boleh digunakan lagi
ataupun digunakan lagi, tanpa izin terlebih
dahulu dari**

Yamaha Motor Co,Ltd.

Dicetak di Malaysia.

ISI KANDUNGAN

MAKLUMAT KESELAMATAN.....	1-1
----------------------------------	------------

KETERANGAN.....	2-1
Pandangan kiri.....	2-1
Pandangan kanan.....	2-2
Alat dan Fungsi.....	2-3

INSTRUMENT DAN FUNGSI

KAWALAN.....	3-1
Suis utama/kunci steering.....	3-1
Lampu penunjuk dan lampu amaran.....	3-2
Unit jangkalaju.....	3-3
Meter RPM	3-3
Meter bahan api.....	3-3
Suis-suis bar pemegang.....	3-3
Pedal gear.....	3-5
Tuill brek.....	3-5
Tuill klac.....	3-5
Pedal brek.....	3-6
Penutup tangki bahan api.....	3-6
Bahan api.....	3-7
Tempat duduk.....	3-8
Pemegang topi keledar.....	3-9
Tempat penyimpanan.....	3-10
Pangsi sisi.....	3-10

PEMERIKSAAN SEBELUM

OPERASI	4-1
Jadual pemeriksaan sebelum operasi.....	4-2

OPERASI DAN PANDUAN

PENTING PENGGUNA.....	5-1
Menghidupkan dan memanaskan enjin sejuk.....	5-1
Penukaran gear.....	5-2
Tip untuk mengurangkan penggunaan bahan api	5-2
Pengguna awal enjin.....	5-3
Meletakkan motosikal.....	5-4
Catatan Am.....	5-5

PENYELENGGARAAN BERKALA

DAN PEMBAIKAN MUDAH.....	6-1
Beg alatan pengguna.....	6-1
Jadual penyelenggaraan berkala dan rajah perlinciran.....	6-2
Membuka dan memasang penutup, panel, dan tangki bahan api.....	6-5
Pemeriksaan palam pencucuh.....	6-7
Minyak enjin dan elemen penapis minyak.....	6-9
Penyejuk.....	6-11
Membersih elemen penapis udara.....	6-13
Penyelarasan halaju tanpa gerak...	6-15

Penyelarasan gerak bebas kabel pendikit.....	6-15
Jarak bebas injap.....	6-16
Tayar.....	6-16
Roda.....	6-18
Penyelarasan gerak bebas tuill klac.....	6-19
Penyelarasan gerak bebas pedal brek dan tuill brek.....	6-20
Penyelarasan suis lampu brek belakang.....	6-21
Memeriksa pad brek depan dan kekasut brek belakang.....	6-21
Memeriksa paras minyak brek depan.....	6-22
Penukaran cecair brek.....	6-23
Kekenduran rantai pandu.....	6-23
Membersih dan pelinciran rantai pandu.....	6-24
Memeriksa dan melincirkan kabel.....	6-25
Memeriksa dan pelinciran kabel dan grip pendikit.....	6-26
Pelinciran tuill brek.....	6-26
Pelinciran pedal brek.....	6-26

ISI KANDUNGAN

Memeriksa dan pelinciran pangsi tengah dan pangsi sisi.....	6-26
Pelinciran pangsi membelok swingarm pivot.....	6-27
Memeriksa sepit depan.....	6-27
Memeriksa stereng.....	6-28
Memeriksa gelas-galas roda.....	6-28
Bateri.....	6-29
Menganti fuis.....	6-30
Menganti mentol lampu depan.....	6-31
Menganti mentol lampu isyarat depan dan belakang.....	6-32
Menganti mentol lampu belakang dan lampu brek.....	6-33
Roda depan.....	6-34
Roda belakang.....	6-35
Penentu masalah.....	6-37
Jadual penentu masalah.....	6-38
 PENJAGAAN DAN PENYIMPANAN MOTOSIKAL.....	
Penjagaan.....	7-1
Penyimpanan.....	7-3
 SPESIFIKASI.....	 8-1
 MAKLUMAT PENGGUNA.....	 9-1
Nombor Pengenalan.....	9-1



MAKLUMAT KESELAMATAN

Jadilah Pengguna yang Bertanggungjawab

Sebagai pengguna motosikal, anda bertanggungjawab ke atas keselamatan dan pengendalian motosikal yang betul.

Motosikal adalah kenderaan satu- laluan. Keselamatan dan pengendalian motosikal bergantung kepada teknik penunggang yang betul dan juga kemahiran penunggang. Setiap penunggang motosikal harus tahu keperluan seperti berikut sebelum menunggang motosikal.

Anda perlu:

- Memperoleh arahan yang lengkap dari sumber yang betul dalam semua aspek pengendalian motosikal.
- Sentiasa berwaspada dengan tanda amaran dan keperluan penjagaan di dalam buku panduan.
- Memperoleh latihan dalam teknik penunggang yang betul dan selamat.
- Memperoleh teknikal servis yang profesional seperti yang ditunjukkan di dalam buku panduan dan/atau jika di-perlukan oleh keadaan mekanikal.

Penunggang selamat

Lakukan pemeriksaan sebelum kendalian setiap kali ingin menggunakan motosikal untuk memastikan ianya selamat untuk dikendalikan. Kegagalan untuk memeriksa dan mengekalkan motosikal dalam keadaan baik memungkinkan kemalangan atau kerosakan peralatan. Lihat muka surat 5-1 untuk senarai pemeriksaan kendalian.

- Motosikal ini direka untuk membawa penunggang dan penumpang.
- Kegagalan pemandu kenderaan untuk mengesan dan mengenai pasti penunggan motosikal adalah punca utama kemalangan kenderaan/motosikal. Kebanyakan kemalangan disebabkan pemandu kenderaan yang tidak perasan kewujudan motosikal. Pastikan penunggang menunggang dalam keadaan yang mudah dilihat untuk mengelakkan kemalangan.

Oleh itu:

- Pakai jaket yang berwarna terang.
- Lebih berhati-hati apabila menghampiri atau melalui simpah tempat yang sentiasa berlakunya kemalangan motosikal.

- Menunggang diruang yang dapat dilihat oleh pemandu kenderaan. Elakkan daripada menunggang diruang yang terhalang daripada pemandangan pemandu kenderaan.

- Kebanyakan kemalangan melibatkan penunggang yang tidak berpegalaman. Pada hakikatnya, kebanyakan penunggang yang terlibat dalam kemalangan tidak mempunyai lesen menunggang motosikal.
- Pastikan bahawa anda ber-kelayakkan dan meminjamkan motosikal hanya kepada pengendali yang ber-kelayakkan sahaja.
- Mengetahui kemahiran dan kemampuan. Menunggang dengan kemampuan akan dapat mengelakkan diri dari kemalangan.
- Kami mencadangkan supaya latihan menunggang di jalan raya yang tidak sibuk sehingga sudah bersedia dan dapat membiasakan diri dengan motosikal dan dapat mengawal kendaliannya sebaik mungkin.
- Kebanyakan kemalangan ber- laku disebabkan kesilapan penunggang motosikal. Salah satu kesalahan yang sering dilakukan oleh penunggang motosikal ialah semasa



MAKLUMAT KESELAMATAN

membelok memakan laluan yang lebih dari yang sepatutnya, dengan kelajuan tinggi atau diluar kawalan (tidak cukup kecondoran sudut dalam kelajuan tinggi).

- Sentiasa mematuhi had kelajuan dan jangan memandu dengan kelajuan lebih daripada yang dibenarkan di jalan raya dan keadaan lalulintas.
- Sentiasa memberikan lampu isyarat sebelum membelok atau menukar laluan. Pastikan agar pemandu kereta lain boleh melihat anda.
- Cara duduk tubuh badan penunggang dan penumpang adalah penting untuk pemanduan yang betul.
 - Penunggang harus sentiasa menetapkan kedudukan kedua-dua tangan di handlebar dan kedua-dua kaki di tempat rehat kaki penunggang untuk mengekalkan kawalan motosikal.
 - Penumpang harus sentiasa memegang penunggang motosikal atau bar pemegang dengan kedua-dua tangan (jika ada) dan kedua-dua kaki sentiasa letak diatas tempat rehat kaki penumpang. Jangan mengambil penumpang sehingga pembonceng dapat meletakkan kaki pada tempat rehat kaki dengan kemas.

- Jangan menunggang di bawah pengaruh alkohol atau dadah.

Pemakaian perlindungan

Kebanyakan kematian yang berlaku dalam kemalangan motosikal adalah disebabkan oleh kecederaan pada bahagian kepala. Penggunaan topi keledar keselamatan adalah satu faktor penting dalam mengelakkan atau mengurangkan kecederaan di bahagian itu.

- Sentiasa memakai topi keledar yang diluluskan.
- Memakai pelindung muka atau pelindung mata. Jika tidak memakai pelindung mata, angin yang masuk kedalam mata boleh mengaburi penglihatan daripada melihat keadaan yang berbahaya.
- Penggunaan jaket, but yang berat, seluar panjang, sarung tangan, dan lain-lain adalah berkesan untuk mengelak atau mengurangkan luka akibat geseran atau kecederaan.
- Jangan memakai pakaian yang longgar, ianya boleh mempengaruhi kawalan tuil, kedudukan kaki, atau rodadan seterusnya menyebabkan kecederaan atau kemalangan.
- Sentiasa memakai pakaian yang dapat melindungi kaki, buku lali dan tapak kaki. Enjin dan ekzos akan menjadi panas apabila atau selepas

motosikal digunakan dan boleh menyebabkan kulit melecur.

- Penumpang juga haruslah mematuhi arahan keselamatan di atas.

Elakkan Keracunan Karbon Monoksida

Semua ekzos pada enjin mengandungi karbon monoksida, gas yang mendatangkan maut. Bernafas dalam udara yang mengandungi karbon monoksida menyebabkan sakit kepala, pening, sesak nafas, rasa loya, kebingungan dan berkemungkinan mendatangkan maut. Karbon monoksida tidak berwarna, tidak berbau, tiada rasa yang mana akan ada walaupun anda tidak lihat atau bau asap ekzos. Tahap bahaya karbon monoksida boleh meningkat dengan cepat dan boleh menjadikan kehilangan kawalan diri dalam masa yang singkat. Juga, gas ini boleh berada dalam ruang yang mempunyai pengudaraan yang lemah selama beberapa jam atau mungkin beberapa hari. Jika anda mengalami simptom-simtom keracunan gas karbon monoksida ini, tinggalkan kawasan itu secepat mungkin, dapatkan udara yang segar dan DAPATKAN RAWATAN PERUBATAN.



MAKLUMAT KESELAMATAN

1

- Jangan hidupkan enjin di dalam kawasan tertutup. Walaupun menggunakan kipas ataupun membuka tingkap dan pintu untuk pengudaraan, karbon monoksida boleh meningkat ke paras bahaya dengan cepat.
- Jangan hidupkan enjin dalam ruang yang mempunyai pengudaraan yang lemah dan kawasan yang separa tertutup seperti garaj, bangsal atau tempat letak kereta yang berbumbung.
- Jangan hidupkan enjin di kawasan luar yang boleh menyebabkan asap ekzos memasuki bangunan melalui tingkap ataupun pintu.

Bebanan

Menambah muatan atau alatan tambahan pada motosikal boleh menjejaskan kestabilan dan kawalan sekiranya pengagihan berat berbeza. Untuk mengelak kemungkinan berlakunya kemalangan, berhati-hati semasa menambah alatan tambahan atau muatan dan pemanduan yang cermat. Disini, disediakan informasi mengenai alatan tambahan dan panduan am untuk diikuti apabila menambah muatan pada motosikal:

kemalangan.

Jumlah berat penunggang, penumpang, alatan tambahan dan muatan tidak boleh melebihi berat maksimum yang telah ditetapkan. Pengendalian yang melebihi muatan akan menyebabkan kemalangan.

Maximum load:
201 kg (443 lb)

Apabila membawa muatan dengan berat yang ditetapkan, sentiasa mengikuti arahan berikut:

- Berat muatan dan alat kelengkapan sepatutnya dikekalkan rendah dan dekat dengan motosikal seboleh mungkin. Pastikan pengagihan berat diantara kedua-dua belah sisi motosikal anda adalah seimbang untuk mengurangkan ketidakseimbangan atau meningkatkan kestabilan.
- Penukaran berat boleh membuatkan ketidakseimbangan secara tiba-tiba. Pastikan alat kelengkapan dan muatan diletakkan dengan cara yang selamat pada motosikal sebelum ditunggang. Sentiasa periksa ikatan kesemua alat kelengkapan dan muatan.

- Melaras suspensi bersesuaian dengan berat muatan, dan periksa tekanan angin dan keadaan tayar.
- Jangan letakkan sesuatu yang besar atau berat pada handle bar, cabang hadapan atau alas geseran hadapan. Kesemua alat ini, termasuk muatan seperti beg tidur, beg berbulu tebal, atau khemah, boleh menyebabkan ketidakstabilan pengawalan atau tindakbalas pemanduan yang perlahan.
- **Motosikal ini tidak direka untuk menarik kenderaan lain atau dipasang kereta penumpang di sebelah.**

Alatan Tambahan Tulen Yamaha

Pemilihan alatan tambahan untuk motosikal anda adalah keputusan yang penting. Alatan tambahan tulen yang hanya pada wakil Yamaha telahpun direka, diuji dan diluluskan oleh Yamaha untuk kegunaan motosikal anda. Banyak syarikat yang tiada jalinan antara Yamaha mengeluarkan komponen dan alatan tambahan atau memberikan pengubahsuaian pada motosikal Yamaha.



Yamaha tidak akan menguji produk yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat lain. Oleh itu, Yamaha tidak menggalakkan pemasangan alat atau penguatkuasaan yang tidak dikeluarkan dan dijual oleh Yamaha, walaupun ia dijual dan dipasang oleh wakil Yamaha.

Barangan Selepas Pasaran, Alat Tambahan dan Penguatkuasaan


Anda akan dapat jumpa produk-produk barangan selepas pasaran yang seakan-akan sama bentuk dan kualiti dengan alat tambahan tulen Yamaha, menyedari sesetengah alat tambahan selepas pasaran atau penguatkuasaan tidak sesuai disebabkan oleh risiko keselamatan kepada penunggang atau orang lain. Memasang produk selepas pasaran ataupun membuat modifikasi pada motosikal yang mengubah bentuk dan pengendalian motosikal boleh mendatangkan risiko yang tinggi untuk cedera atau kematian pada penunggang dan orang lain. Anda bertanggungjawab pada kecederaan berkenaan berikutan penguatkuasaan pada motosikal.

Ingat panduan berikut dan juga yang telah diberikan pada bahagian 'Bebanan' apabila memasang alat tambahan.

- Jangan memasang alat tambahan atau membawa muatan yang boleh menjejaskan prestasi motosikal. Berhati-hati memeriksa alat tambahan sebelum menggunakannya untuk memastikan ia tidak menghalang kelancaran apabila selekoh atau jalan lurus, tidak menghalang operasi suspensi, pergerakan stereng ataupun pengendalian kawakan atau kemalapan lampu dan pemantulan cahaya.
- Alat tambahan yang dipasang pada handlebar ataupun pada cabang hadapan menjadikan motosikal tidak stabil ini disebabkan pengagihan beban dan daya gerakan yang tidak seimbang. Jika alat tambahan perlu dipasang pada handlebar atau pada cabang hadapan pastikan ia tidak mempunyai berat yang berlebihan.
- Alat tambahan yang besar dan mengambil banyak ruang memberi kesan yang serius dalam kestabilan motosikal disebabkan oleh daya geraknya. Angin kuat akan menolak motosikal dan menjadikannya tidak stabil. Alat tambahan yang besar juga akan menyebabkan motosikal menjadi hilang keseimbangan sekiranya semasa memotong atau dipotong oleh kenderaan besar.
- Sesetengah alat tambahan menyebabkan penunggang berada pada posisi tunggangan yang tidak sepatutnya. Ketidakesesuaian ini menghadkan pergerakan penunggang. Oleh itu, alat tambahan tidak galakkan.
- Berhati-hati semasa memasang alat tambahan elektrik. Jika alat tambahan elektrik ini melangkaui kapasiti sistem elektrik motosikal, ia mungkin akan menyebabkan kegagalan elektrik, lampu tidak berfungsi atau kegagalan kuasa enjin.

KETERANGAN


Pandangan Kiri



1. Lampu depan (m/s 6-30)
2. Lampu isyarat (m/s 6-31)
3. Penapis udara (m/s 6-12)
4. Bateri(m/s 6-28)
5. Beg alatan pemilik (m/s 6-1)

6. Penyangkut topi keledar (m/s 3-9)
7. Pengunci tempat duduk (m/s 3-8)
8. Lampu belakang (m/s 6-32)
9. Lampu isyarat (m/s 6-31)
10. Pedal penukar gear (m/s 3-5)
11. Takungan cecair penyejuk (m/s 6-10)

Pandangan Kanan




- | | |
|---|--|
| 1. Fuis (m/s 6-29) | 5. Penapis minyak enjin (m/s 6-28) |
| 2. Penghidup tendang (m/s 3-8) | 6. Penutup ukur celup (m/s 6-8) |
| 3. Penutup tangki minyak (m/s 3-6) | 7. Pedal brek (m/s 3-6) |
| 4. Tankungan minyak brek depan (m/s 6-21) | 8. Suis lampu brek belakang (m/s 6-20) |

KETERANGAN

Alatan dan kawalan


2



1. Tuil pencengkam
2. Suis handlebar kiri
3. Jangkaligat
4. Unit meter pelbagai fungsi
5. Suis handlebar kanan

6. Tuil brek depan
7. Pemulas pendikit
8. Suis utama

Suis Utama/kunci stereng



Kunci utama/kunci stereng mengawal sistem pencucuhan dan lampu, juga untuk mengunci stereng. Posisinya digambarkan seperti berikut:

ON

Semua litar elektrik dibekalkan dengan kuasa bateri, lampu pada meter, akan menyala dan enjin motosikal boleh dihidupkan. Kunci tidak dapat dikeluarkan.

OFF

Kesemua litar elektrik akan diputuskan dan kunci boleh dikeluarkan.


⚠ AMARAN

Jangan pusingkan kunci ke arah "OFF" atau "LOCK" semasa motosikal sedang bergerak. Jika tidak, semua litar elektrik akan terpadam dan menyebabkan motosikal hilang kawalan dan mungkin berlaku kemalangan.

KUNCI

Apabila stereng dikuncikan, semua litar elektrik akan dipadamkan. Kunci boleh dikeluarkan.


Untuk mengunci stereng



1. Tolak
2. Pusing

1. Pusing pemegang handlebar ke arah kiri sepenuhnya.
2. Tekankan kunci kedalam dari posisi "OFF" kemudian pusingkan ke posisi "LOCK" sambil menekan kunci tersebut.
3. Keluarkan kunci.

Membuka kunci stereng




1. Tekan
2. Pusing

Tekan kunci kedalam dan pusingkan ke posisi "OFF" sambil menekan kunci.

ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

Lampu penunjuk dan lampu amaran



1. Lampu isyarat pusing “↶ ↷”
2. Lampu amaran suhu penyejuk “ ”
3. Lampu penunjuk neutral “N”
4. Lampu amaran masalah enjin “ ”
5. Lampu penunjuk pancaran tinggi “ ”

Lampu Penunjuk Neutral “N”

Lampu penunjuk akan menyala apabila sistem gear berada dalam posisi neutral.

Lampu penunjuk isyarat arah “↶ ↷”

Lampu isyarat akan menyala apabila suis isyarat ditolak ke kiri atau ke kanan.

Lampu penunjuk pancaran tinggi “ ”

Lampu penunjuk akan menyala apabila lampu hadapan pemancar tinggi dihidupkan.

Lampu amaran masalah enjin “ ”

Lampu ini akan menyala atau berkelip jika terdapat masalah dengan litar elektrik yang memantau motosikal enjin. Jika situasi ini berlaku, sila dapatkan wakil Yamaha untuk memeriksa sistem pengesanan masalah. (sila rujuk muka surat 3-10 untuk penjelasan tentang alat pengesanan masalah).

Litar elektrik lampu amaran dapat diperiksa dengan memusing kunci ke posisi “ON”. Lampu amaran masalah enjin sepatutnya akan menyala untuk beberapa saat sebelum terpadam. Jika lampu amaran tidak menyala atau terus menyala tanpa terpadam apabila kunci dipusingkan ke posisi “ON”, dapatkan bantuan wakil Yamaha.

Amaran suhu penyejuk “ ”

Lampu amaran ini akan menyala jika suhu enjin terlalu tinggi. Jika perkara ini berlaku, matikan enjin motosikal dengan serta merta dan biarkan motosikal anda untuk seketika.

Litar elektrik untuk lampu amaran tersebut boleh diperiksa dengan memusing kunci ke posisi “ON”. Lampu amaran tersebut sepatutnya akan menyala untuk beberapa saat sebelum terpadam.

Jika lampu amaran tidak menyala apabila kunci dipusing ke posisi “ON”, atau lampu amaran terus menyala dan tidak terpadam, pastikan anda mendapat bantuan wakil Yamaha untuk memeriksanya.

PERHATIAN


Jangan membiarkan morosikal anda terus berfungsi apabila suhu enjin naik.

TIP

- Untuk motosikal yang dilengkapi dengan kipas radiator, kipas tersebut akan terpasang dan terpadam secara automatik bergantung pada suhu penyejuk enjin motosikal anda.
- Jika enjin motosikal anda mencapai paras suhu panas kritikal, sila rujuk muka surat 7-39 untuk panduan.

ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

Jangkaligat



1. Jangkaligat
2. Jangkaligat zon merah

Jangkaligat elektrik membolehkan penunggang mengawal kelajuan enjin dan memastikan enjin berada dalam jangka kuasa yang sesuai.


Apabila kunci dipusingkan ke posisi "ON", jarum jangkaligat akan melalui meter r/min dan kembali ke posisi angka sifar r/min. Ini adalah bertujuan menguji litar elektrik motosikal.

PERHATIAN

Jangan beroperasi jika jangkaligat berada pada zon merah.

Zon merah: 10500 r/min dan ke atas

Unit meter Pelbagai Fungsi



1. Unit meter pelbagai fungsi
2. "RESET/SELECT" butang

⚠ AMARAN

Pastikan anda memberhentikan motosikal anda sebelum membuat sebarang penyesuaian pada unit meter pelbagai fungsi. Membuat sebarang perubahan pada meter semasa menunggang boleh menyebabkan risiko yang tinggi dalam kemalangan.

Unit meter pelbagai fungsi dilengkapi dengan:-

- Jangkalaju
- Jangkaligat jumlah perjalanan

- Dua jangkaligat perjalanan (yang menunjukkan jumlah jarak perjalanan sejak meter diset ke angka sifar)
- Meter bahan api simpanan perjalanan (yang menunjukkan jumlah jarak yang telah dilalui sejak lampu amaran bahan api mulai berkelip)
- Meter bahan api

TIP

Pastikan anda memusing kunci ke arah posisi "ON" sebelum menggunakan butang "SELECT" atau "RESET"

Jangkaligat jumlah perjalanan dan jangkaligat perjalanan


Tekan seketika (kurang dari satu saat) butang "RESET"/"SELECT" untuk menukar mod jangkaligat jumlah perjalanan "ODO" dengan mod jangkaligat perjalanan "TRIP 1 dan TRIP 2" dalam urutan berikut:-

ODO → TRIP 1 → TRIP 2 → ODO
Apabila jumlah bahan api dalam tangki minyak menurun ke 1.9L(0.50 US gal, 0.42 Imp.gal) di paparan jangkaligat jumlah perjalanan secara automatik akan bertukar kepada mod simpanan jangkaligat perjalanan "F-TRIP" dan mulai mengira jarak yang dilalui pada masa itu.

ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

Meter bahan api simpanan jangkamasa perjalanan akan secara automatik akan kembali ke mod asal selepas pengisian minyak dan telah membuat perjalanan sejauh 5km (3mi.)

Meter bahan api




1. Meter bahan api

Penyukat bahan api dapat menunjukkan jumlah bahan api dalam tangki minyak. Apabila paras minyak semakin menurun, bar-bar kecil yang kelihatan pada skrin handlebar motosikal akan semakin menghilang ke arah perkataan "E" (empty) sehingga bar yang terakhir akan mula berkelip. Ini menandakan bahawa tangki minyak harus diisi dengan segera.

Suis handlebar

Kiri



1. Suis Pass "PASS"
2. Lampu pemalap "D/ D"
3. Lampu Isyarat pusing "< >"
4. Suis hon "H"

Suis Pass "PASS"

Tekan suis untuk menyalakan lampu hadapan.

Suis lampu pemalap "D/ D"

Setkan suis pada posisi "D" untuk lampu tinggi dan "D" untuk lampu rendah.

TIP

Apabila suis disetkan pada posisi rendah, hanya mentol sebelah kiri akan menyala. Apabila suis disetkan pada lampu tinggi, kedua-dua lampu depan akan menyala.

Suis isyarat arah "< >"


Untuk melakukan pusingan kanan, tekankan suis kepada "<". Manakala untuk melakukan pusing kiri tekankan suis kepada ">". Apabila dilepaskan, suis akan kembali ke posisi tengah. Untuk menutup signal membelok, tolakkan suis ke dalam selepas suis tersebut telah kembali ke posisi tengah.

Suis Hon "H"

Tekan suis untuk membunyikan hon.

ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

Kanan



1. Suis mematikan enjin “○/⊗”
2. Suis penghidup enjin “⊗”

Suis mematikan enjin “○/⊗”


Setkan suis ke “○” sebelum memulakan enjin. Pada masa kecemasan, seperti apabila motosikal anda terjatuh ataupun kabel pendikit anda tersekat, setkan suis ke bahagian “⊗” untuk memamatkan enjin motosikal.

kepada “ $\exists \supset \supset \exists$ ” untuk menyalakan lampu depan. Set suis kepada “●” untuk mematikan semua lampu.

Suis penghidup enjin “⊗”

Tekan suis ini untuk menghidupkan enjin motosikal. Sila rujuk muka surat 5-1 untuk mendapatkan langkah-langkah penting menghidupkan enjin.

Tuil pencengkam




1. Tuil pencengkam

Tuil pencengkam terletak di pegangan handlebar kiri. Untuk melepaskan tuil pencengkam tarik tuil ke arah pegangan handlebar. Untuk mengaktifkan pencengkam tuil harus ditarik dengan cepat dan dilepaskan perlahan-lahan supaya operasi berjalan lancar. Tuil pencengkam dilengkapi dengan suis pencengkam yang merupakan sebahagian dari rangkaian pengapian cut-off (lihat muka surat 4-12).

ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

3


Pedal shift



1. Pedal shift

Pedal shift terletak di sisi kiri motosikal dan digunakan dalam kombinasi dengan tuil pencengkam ketika menukar gear 5-tahap kelajuan yang dilengkapi pada motosikal ini.


Tuil brek



1. Tuil brek

Tuil brek terletak di pegangan handlebar kanan. Untuk melaksanakan brek hadapan, tarik tuil ke arah handlebar.


Pedal brek



1. Pedal brek

Pedal brek berada di sisi kanan motosikal. Untuk melaksanakan brek belakang, tekan ke bawah pedal brek.

Penutup tangki bahan api



1. Penutup tangki bahan api
2. Membuka penutup

Untuk membuka tangki bahan api

1. Buka penutup tangki bahan api,
2. Masukkan kunci ke dalam, kemudian putar 1/4 ke arah jam. Kunci akan dilepaskan dan penutup tangki bahan api boleh dibuka.

Untuk menutup penutup tangki bahan api

1. Tekan penutup tangki bahan api ke kedudukan asal dengan kunci dimasukkan ke lubang kunci

2. Putar kunci berlawanan jam ke posisi semula, keluarkan kunci, dan kemudian tutup penutupnya.

3. Tutup penutupnya.

TIP

Tangki bahan api tidak boleh ditutup kecuali kuncinya berada di lubangnya. Selain itu, kunci tidak boleh dikeluarkan jika penutup tidak benar tertutup atau terkunci.

AMARAN

Pastikan penutup bahan api benar-benar ditutup selepas mengisi. Kebocoran bahan api boleh menjadi punca kebakaran.

Bahan Api

Pastikan bahawa terdapat cukup bahan api dalam tangki.


AMARAN

Bahan api dan wap bahan api sangat mudah terbakar. Untuk mengelakkan risiko kebakaran dan letupan serta untuk mengurangkan risiko kecederaan semasa mengisi bahan api, ikutilah panduan ini semasa mengisi.

1. Sebelum mengisi bahan api, matikan enjin dan pastikan bahawa tiada orang yang duduk di atas motosikal. Jangan mengisi bahan api sambil merokok atau di sekitar percikan api, api terbuka atau sumber penyalaaan lain seperti lampu pilot pemanas air dan pengering pakaian.
2. Semasa mengisi jangan sampai melimpahi tangki bahan api. Ketika mengisi, pastikan anda memasukkan muncung pam ke dalam lubang suapan tangki bahan api. Berhenti mengisi bila bahan api mencapai bahagian bawah tiub suapan. Kerana bahan api boleh mengembang bila panas, haba dari enjin atau matahari boleh menyebabkan bahan api untuk tumpah keluar dari tangki bahan api.

ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

3



1. Tiub suapan tangki bahan api
2. Paras maksima bahan aipi
3. Lap apa sahaja bahan api yang tertumpah dengan segera.
PERHATIAN: Segera bersihkan tumpahan bahan api dengan kain yang bersih, kering dan lembut, kerana bahan api boleh merosakkan permukaan cat atau bahagian plastik.
4. Pastikan anda menutup penutup tangki bahan api dengan elok.

AMARAN

Petrol adalah beracun dan boleh menyebabkan kecederaan atau kematian. Berhati-hati bila menggunakan petrol. Jangan menyedut petrol melalui mulut.

Jika anda tertelan petrol dengan banyak atau banyak menghidu wap petrol, atau terkena petrol pada mata anda, sila jumpa doktor dengan segera.

Jika petrol tertumpah pada kulit anda, cuci dengan sabun dan air. Jika petrol tertumpah pada pakaian anda, ganti baju anda.

Bahan api yang disyorkan:

Petrol tanpa plumbum regular sahaja

Kapasiti tangki bahan api:

12.0 L (3.2 US gal, 2.6 Imp.gal)

Jumlah bahan api simpanan:

1.9 L (0.5 US gal, 0.4 Imp.gal)

PERHATIAN

Hanya gunakan petrol tanpa plumbum. Petrol bertimbal lead akan menyebabkan kerosakan teruk pada bahagian-bahagian enjin dalaman, seperti injap dan ring piston, serta sistem pembuangan.

Penukaran catalytic


Model ini dilengkapi dengan penukaran catalytic dalam sistem pembuangan.

AMARAN

Sistem pembuangan akan menjadi panas selepas operasi. Untuk mengelakkan dari kebakaran atau luka terbakar:

- Jangan meletak motosikal anda berhampiran tempat yang mudah terbakar seperti rumput atau bahan lain yang mudah terbakar.
- Letak motosikal anda di tempat di mana pejalan kaki atau kanak-kanak tidak akan menyentuh sistem pembuangan panas.
- Pastikan bahawa sistem pembuangan sudah sejuk sebelum melakukan kerja penyelenggaraan.
- Jangan biarkan enjin dihidupkan tanpa gerak lebih daripada beberapa minit. Pemalasan panjang boleh menyebabkan penumpukan kepanasan.

Tempat duduk



3


a. Membuka

Untuk mengeluarkan tempat duduk

1. Masukkan kunci kedalam tempat kunci, dan kemudian putar kearah berlawanan jam.
2. Menarik tempat duduk keluar.

ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

3



1. Unjuran
2. Pemegang tempat duduk


Untuk memasang tempat duduk

1. Masukkan unjuran di bahagian depan tempat duduk ke dalam pemegang tempat duduk seperti yang ditunjukkan.
2. Tolak tempat duduk belakang ke bawah untuk mengunci ditempatnya.
3. Keluarkan kunci.

TIP

Pastikan bahawa tempat duduk adalah benar diamankan sebelum naik.

Pemegang Topi Keledar



1. Pemegang topi keledar

Pemegang topi keledar terletak di bawah tempat duduk.

Cara mengamankan topi keledar kepada pemegang topi keledar.


1. Keluarkan tempat duduk. (Lihat m/s 3-9).

2. Letak topi keledar di sisi kanan motosikal, dan kemudian pasang tempat duduk. **PERINGATAN!** Jangan naik dengan topi keledar melekat kepada pemegang topi keledar, kerana topi boleh memukul benda, menyebabkan kehilangan kawalan dan mungkin kemalangan.

Untuk melepaskan topi keledar dari pemegang topi keledar.

Keluarkan tempat duduk, keluarkan topi keledar dari pemegang topi keledar dan pasang tempat duduk.

Ruang penyimpanan



1. Ruang penyimpanan

Ruang simpanan terletak di bawah tempat duduk. (Lihat m/s 3-10).

Ketika menyimpan panduan pengguna atau yang lain di tempat ruang simpanan, pastikan anda membungkus mereka dalam beg plastik supaya tidak menjadi basah. Ketika mencuci motosikal, berhati-hatilah supaya air tidak memasuki ruang simpanan.

Pangsi sisi

Pangsi sisi ini terletak di sisi kiri motosikal. Naikkan pangsi sisi atau turunkannya dengan kaki anda apabila memegang tegak motosikal.

AMARAN

Motosikal ini tidak boleh ditunggang apabila pangsi sisi di turunkan atau jika pangsi sisi tidak boleh di naikkan dengan sempurna. Jika tidak ia boleh menyentuh tanah dan mengganggu pengguna dan mengakibatkan kemungkinan kehilangan kawalan.

ALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

3

Dengan enjin dimatikan:

1. Pastikan bahawa suis berhenti enjin ditetapkan pada "O".
2. Pusing kunci ke "ON".
3. Pindah transmisi ke kedudukan neutral.
4. Tekan suis bermula.

Adakah enjin bermula?

YA TIDAK

5. Padamkan enjin.

6. Pindahkan transmisi ke gear..
7. Pastikan tuil pengcengkam ditarik.
8. Tekan suis berhenti.

Adakah enjin berhenti?

YA TIDAK

Sistem ini OK. **Motosikal boleh ditunggang.**



AMARAN

Jika kerosakkan direkodkan, dapatkan wakil Yamaha untuk periksa sistem sebelum menunggang.

Suis neutral mungkin tidak berfungsi dengan betul. **Motosikal tidak boleh ditunggang** sehingga diperiksa oleh wakil Yamaha.

Suis pengcengkam mungkin tidak berfungsi dengan betul. **Motosikal tidak boleh ditunggang** sehingga diperiksa oleh wakil Yamaha.

PERMERIKSAAN SEBELUM KENDALIAN

Memeriksa motosikal anda setiap kali menggunakannya untuk memastikan ia dalam keadaan operasi yang selamat. Selalu mengikuti prosedur pemeriksaan dan penyelenggaraan mengikut jadual seperti didalam buku pengguna.



AMARAN

Kegagalan untuk menyemak atau menjaga motosikal anda dengan betul meningkatkan kemungkinan kemalangan atau kerosakan peralatan. Jangan gunakan motosikal anda jika terdapat masalah. Jika masalah tidak boleh diperbaiki dengan prosedur yang ditentukan dalam buku pengguna ini, dapatkan motosikal anda diperiksa oleh wakil Yamaha.

Sebelum menggunakan motosikal ini, periksa perkara berikut:

PEMERIKSAAN SEBELUM KENDALIAN

Senarai pemeriksaan sebelum kendali

PERKARA	PEMERIKSAAN	MUKASURAT
Bahan Api	• Periksa paras bahan api di dalam tangki. • Mengisi bahan api jika perlu. • Periksa saluran bahan api untuk kebocoran.	3-6
Minyak Enjin	• Periksa paras minyak enjin. • Jika perlu tambah minyak yang disyorkan hingga ke paras yang ditetapkan. • Periksa motosikal untuk kebocoran minyak.	6-9
Penyejuk	• Periksa paras penyejuk dalam takungan. • Jika perlu, tambah penyejuk yang disyorkan hingga ke paras yang ditetapkan. • Periksa sistem penyejuk untuk kebocoran.	6-11
Brek depan	• Periksa operasi. • Jika lembut atau kenyal, dapatkan wakil Yamaha bleed sistem hidraulik. • Periksa kehausan pada pad brek. • Ganti jika perlu. • Periksa paras cecair brek dalam takungan. • Jika perlu, tambah cecair brek yang disyorkan hingga ke paras yang ditetapkan. • Periksa sistem hidraulik untuk kebocoran.	6-20, 6-21
Brek belakang	• Periksa operasi. • Periksa gerak bebas tuil brek. • Laraskan jika perlu.	6-20
Pencengkam	• Periksa operasi. • Licinkan kable jika perlu. • Periksa gerak bebas tuil. • Laraskan jika perlu.	3-5, 6-17
Pemegang pendikit	• Pastikan bahawa operasi berjalan lancar. • Jika perlu, licinkan pemegang pendikit dan kable • Periksa kelonggarkan rantai. • Laraskan jika perlu.	6-15, 6-24
Kabel kawalan	• Periksa bahawa operasi berjalan lancar. • Licinkan jika perlu.	6-24

PEMERIKSAAN SEBELUM KENDALIAN

PERKARA	PEMERIKSAAN	MUKASURAT
Rantai pemacu	• Periksa kelonggarkan rantai. • Laraskan jika perlu • Periksa keadaan rantai • Lincirkan jika perlu.	3-22, 6-23
Roda dan tayar	• Periksa untuk kerosakkan. • Periksa keadaan dan kehausan bunga tayar. • Periksa tekana angin. • Baiki jika perlu.	6-16, 6-18
Brek dan pedal shift	• Periksa bahawa operasi berjalan lancar. • Lincirkan jika perlu.	6-25
Brek dan tuil pencengkam	• Pastikan bahawa operasi berjalan lancar. • Lincirkan tempat-tempat penting tuil jika perlu.	6-25
Pangsi tengah, pangsi sisi	• Pastikan bahawa operasi berjalan lancar. • Lincirkan tempat-tempat penting tuil jika perlu.	6-25
Pengetat rangka	• Pastikan semua nat, bolt dan skru diketatkan dengan kemas • Ketatkan jika perlu.	—
Alatan lampu, lampu isyarat dan suis	• Periksa operasinya. • Baiki jika perlu.	—
Bateri	• Periksa voltan bateri. • Periksa terminal bateri.	6-32

OPERASI DAN PANDUAN PENTING PENUNGGANGAN

Baca Buku Panduan Pengguna untuk menjadi akrab dengan semua kawalan. Jika terdapat kawalan atau fungsi yang anda tidak mengerti, mintalah bantuan wakil Yamaha.

AMARAN

- Pastikan anda biasa dengan semua operasi sistem kawalan dan fungsinya sebelum menunggang. Dapatkan nasihat dari wakil penjual Yamaha tentang fungsi kawalan yang tidak anda fahami.
- Jangan hidupkan enjin anda di kawasan yang tertutup untuk sebarang jangka masa. Asap ekzos adalah beracun, dan jika tersedut asap tersebut boleh menyebabkan pengsan atau mati dalam jangka masa yang singkat. Sentiasa pastikan pengudaraan mencukupi.

- Sebelum menghidupkan enjin, pastikan pangsi sisi diangkat. Jika pangsi sisi tidak diangkat sepenuhnya, ia boleh menyentuh tapak dan menghalang operasi, mengakibatkan hilang kawalan

PERHATIAN

Jangan sekali menunggang motosikal anda di dalam air mendalam (atau longgokan air) untuk mengelakkan enjin motosikal dari rosak.

TIP

Model ini dilengkapi dengan pengesan sudut condong untuk menghentikan enjin sehingga motosikal terjatuh. Untuk menghidupkan enjin kembali, pastikan memusingkan suis dari kedudukan "OFF" ke "ON". Gagal untuk berbuat demikian akan mengelakkan enjin daripada hidup walaupun enjin akan berputar apabila suis penghidup ditekankan.

Menghidupkan dan memanaskan enjin yang sejuk

1. Pusingkan kunci ke "ON" dan pastikan bahawa suis berhenti enjin ditetapkan ke "  "
2. Tukarkan transmisi ke posisi neutral.

TIP

Apabila transmisi berada dalam kedudukan neutral, lampu penunjuk neutral akan menyala, jika tidak, dapatkan wakil penjual Yamaha anda untuk memeriksa litar elektrik.

3. Letakkan motosikal pada kedudukan pangsi tengah.
4. Hidupkan enjin dengan menggunakan penghidup elektrik atau penghidup tendang dan pastikan pemijak kaki dilipat terlebih dahulu.

OPERASI DAN PANDUAN PENTING PENUNGGANGAN

TIP

Jika enjin gagal dihidupkan dengan menggunakan suis penghidup, lepaskan suis penghidup, tunggu beberapa saat, dan cuba sekali lagi. Setiap percubaan mestilah dilakukan secepat mungkin untuk melindungi bateri. Jangan cuba menghidupkan enjin melebihi 10 saat dalam setiap percubaan. Jika enjin tidak dapat dihidupkan dengan menggunakan suis penghidup, cuba gunakan penghidup tendang.


PERHATIAN

Lampu penunjuk tahap suhu cecair penyejuk akan menyala apabila kunci dipusingkan ke arah "ON" dan akan padam dalam beberapa saat. Jika lampu penunjuk tahap suhu cecair penyejuk menyala selepas dihidupkan, matikan enjin serta-merta, dapatkan wakil penjual Yamaha untuk memeriksa litar elektrik.

PERHATIAN

Untuk memanjangkan hayat enjin, sentiasa panaskan enjin sebelum memulakan perjalanan. Jangan memecut ketika enjin sejuk.

Penukaran gear



1. Pedal penukaran gear
N. Posisi neutral

Penukaran gear membolehkan anda mengawal jumlah kuasa enjin yang sedia untuk bermula perjalanan, mempercepatkan, mendaki bukit dan sebagainya. Posisi gear ditunjukkan pada rajah diatas.

TIP

Untuk penukaran gear ke kedudukan neutral, tekan pedal penukaran ke bawah berulang kali sehingga mencapai penghujung dan kemudian sedikit menaikannya.

PERHATIAN

- Walaupun penukaran gear di kedudukan neutral, jangan tolak motosikal untuk jarak jauh mahupun enjin sudah dimatikan. Transmisi hanya akan dilincirkan ketika enjin sedang berjalan. Pelinciran yang tidak mencukupi boleh merosakkan transmisi.
- Selalu gunakan pencengkam untuk penukaran gear untuk mengelakkan kerosakan pada enjin, transmisi dan drive train kerana ia tidak direka untuk menahan kuasa paksa penukaran gear.

OPERASI DAN PANDUAN PENTING PENUNGGANGAN

Tip-tip untuk mengurangkan penggunaan bahan api

Penggunaan bahan api dengan banyak bergantung pada cara anda menunggang. Pertimbangkan tip-tip berikut untuk mengurangkan penggunaan bahan api:


- Menukar gear dengan cepat, dan mengelakkan kelajuan enjin tinggi semasa memecut.
- Jangan memulas pendikit semasa menurunkan gear ke bawah dan mengelakkan kelajuan enjin tinggi tanpa beban pada enjin.
- Matikan enjin dan jangan membiarkannya gerak bebas untuk jangka masa yang lama (contohnya, dalam kesesakan lalu lintas, di lampu lalu lintas atau di perlintasan kereta api).

Permulaan pengoperasian enjin

Tidak yang lebih penting untuk jangka hayat enjin dalam masa tempoh antara 0 dan 1000 km (600 batu). Untuk alasan ini, anda harus membaca bahagian berikut dengan teliti.

Memandangkan enjin masih baru, jangan meletakkan beban yang berlebihan pada masa 1000 km pertama (600 batu). Bahagian-bahagian di dalam enjin belum dapat memberi keserasian untuk pengoperasian yang cekap. Dalam jangkamasa ini elakkan penggunaan pendikit secara maksimum ataupun perkara-perkara yang boleh menyebabkan enjin menjadi terlampau panas.


0–500 km (0-300 batu)



- Elakkan beroperasi lama ke atas 5,000 r/min
- Setelah beroperasi beberapa jam, matikan enjin kemudian biarkan enjin sejuk selama 5 atau 10 minit.
- Ubah kelajuan enjin dari masa ke semasa. Jangan operasikan enjin dengan pendikit berada pada satu kedudukan sahaja.

OPERASI DAN PANDUAN PENTING PENUNGGANGAN

500–1,000 km (300-600 batu)




- Elakkan beroperasi melebihi 7,500 r/min
- Ubah kelajuan enjin dengan gear berlainan, tetapi jangka memulas pendekit sepenuhnya

PERHATIAN

Selepas beroperasi sejauh 1000 km, tukarkan minyak enjin dan bersihkan penapis udara.

1,000 km (600 batu) dan keatas



Motosikal boleh dikendalikan seperti biasa.

PERHATIAN

- Jauhkan kelajuan enjin dari zon merah jangkagat.
- Jika terdapat masalah enjin dalam jangka masa permulaan pengoperasian enjin, dapatkan wakil Yamaha untuk periksanya.

Meletakkan motosikal

Semasa meletakkan motosikal, matikan enjin dan keluarkan kunci dari suis utama.

AMARAN

- Kerana enjin dan ekzos akan menjadi panas, motosikal hendaklah diletakkan di tempat yang tidak mudah terkena pejalan kaki atau kanak-kanak .
- Jangan letak motosikal di lereng bukit atau tanah yang lembut, motosikal mungkin tertumbang,

CATATAN AM


Catatan Am

Banyak kebaikan dapat diperolehi jika kegunaan serta penyelenggaraan motosikal dikuasai.


1. PELANGGAN BOLEH MENGGUNAKAN KEUPAYAAN MOTOSIKAL YAMAHA DENGAN SEPENUHNYA



2. MOTOSIKAL INI BEKEBOLEHAN UNTUK MENGEKALKAN KEUPAYAANNYA DALAM TEMPOH YANG LEBIH LAMA.



3. KOS MINYAK DAN PEMBAIKAN BOLEH DIKURANGKAN KE TAHAP YANG MINIMA



4. SESEBUAH MOTOSIKAL BOLEH MENDAPAT TAWARAN HARGA TINGGI APABILA DIGANTIKAN SEBAGAI BARANG YANG TERPAKAI



PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH


Keselamatan adalah tanggungjawab pemilik. Pemeriksaan, penyelarasan dan pelinciran berkala akan menjamin keselamatan dan keadaan yang lebih efisien bagi motosikal anda. Perkara-perkara yang penting dalam pemeriksaan, penyelarasan dan pelinciran motosikal diterangkan di muka surat yang berikutnya. Tempoh masa yang terdapat dalam rajah penyelenggaraan berkala dan pelinciran patut dianggap sebagai rujukan dalam cara penunggang yang biasa. WALAUBAGAIMANAPUN, IA BERGANTUNG KEPADA CUACA, KAWASAN, LOKASI GEOGRAFI, DAN CARA PENGGUNAAN SESEORANG. TEMPOH PENYELENGGARAAN MUNGKIN PERLU DIPENDEKKAN.

6

AMARAN

Jika anda tidak biasa dengan kerja-kerja penyelenggaraan, dapatkan wakil penjual Yamaha melakukannya untuk anda.

Beg alatan pemilik



1. Beg alatan pemilik

Beg alatan pemilik terletak di bawah tempat duduk (lihat m/s 3-11). Panduan servis didalam buku panduan ini dan alatan yang disediakan di dalam beg alatan pemilik adalah bertujuan untuk anda membuat kerja penyelenggaraan atau kebaikan kerosakkan kecil sahaja. Walaubagaimana pun alatan tambahan perlu juga digunakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan lain dengan betul.

TIP

Jika tidak mempunyai alatan atau pengalaman mengenai kerja-kerja khusus, dapatkan wakil Yamaha untuk bantuan.

AMARAN

Pengubahsuaian yang tidak diluluskan oleh Yamaha mungkin menjejaskan prestasi dan menyebabkannya tidak selamat untuk digunakan. Dapatkan nasihat dari wakil penjual Yamaha sebelum melakukan pengubahsuaian.

PERHATIAN:

Pembuangan cecair (minyak, cecair penyejuk dan lain-lain) dan bateri secara terbuka boleh merosakkan alam sekitar. Dapatkan wakil Yamaha untuk pembuangan yang betul supaya dapat menyelamatkan alam sekitar.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Jadual penyelenggaraan berkala dan rajah pelinciran

TIP

- Pemeriksaan tahunan perlu dilakukan setaip tahun, kecuali jika penyelenggaraan berpandukan jarak kilometer yang akan dilakukan.
- Setelah mencapai 24,000 km, ulangi jadual penyelenggaraan bermula dari 6,000 km.
- Tanda * perlu dilakukan oleh wakil Yamaha kerana penggunaan alatan khas, data dan kemahiran teknikal.

NO.	PERKARA	KERJA PEMERIKSAAN ATAU PENYELENGGARAN	BACAAN JANGKALIGAT (1000 km)					PEMERIK- SAAN TAHUNAN
			1	6	12	18	24	
1	* Saluran bahan api	• Periksa hos bahan api untuk kerosakkan atau retak		√	√	√	√	
2	Palam pencucuh	• Periksa keadaan. • Bersih dan laraskan kedudukan jarak		√		√		
		• Gantikan.		√	√	√	√	
3	* Injap	• Periksa gerak bebas injap • Penyelarasan.				√		
4	Elemen penapis udara	• Bersih		√		√		
		• Gantikan			√		√	
5	* Bateri	• Periksa voltan bateri		√	√	√	√	
6	* Pencengkam	• Periksa operasi • Penyelarasan	√	√	√	√	√	
7	* Brek depan	• Periksa operasi, paras cecair dan kebocoran cecair brek.	√	√	√	√	√	√
		• Gantikan pad brek.	Apabila mencapai had kehausan					
8	* Brek belakang	• Periksa operasi, paras cecair dan kebocoran cecair brek.	√	√	√	√	√	√
		• Gantikan pad brek.	Apabila mencapai had kehausan					
9	* Hos brek	• Periksa kebocoran atau kerosakkan	√	√	√	√	√	√
		• Gantikan	Setiap 4 tahun					

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

NO.	PERKARA	KERJA PEMERIKSAAN ATAU PENYELENGGARAN	BACAAN JANGKALIGAT (1000 km)					PEMERIK- SAAN TAHUNAN
			1	6	12	18	24	
10	* Roda	• Periksa kehausan dan kerosakkan		√	√	√	√	
11	* Tayar	• Periksa kedalaman bunga tayar dan kerosakan. • Gantikan jika perlu. • Periksa tekanan udara. • Laraskan jika perlu		√	√	√	√	√
12	* Galas-galas roda	• Periksa kelonggaran atau kerosakkan pada galas.		√	√	√	√	
13	* Swingarm	• Periksa kendalian dan operasi apabila beban diletakkan. • Lincirkan dengan gris yang berasaskan lithium soap.		√	√	√	√	
14	Rantai pemacu	• Periksa kekenduran, kelurusan dan keadaan rantai. • Laraskan dan lincirkan rantai dengan O-ring pelincir khas.	Setiap 500 km dan selepas membasuh motosikal atau menunggang dalam keadaan hujan					
15	* Galas stereng	• Periksa kelancaran pergerakan galas dan stereng. • Lincirkan dengan gris yang berasaskan lithium soap.	√	√	√	√	√	
16	* Pengetat rangka	• Pastikan kesemua nat, bolt dan skru diikat kemas		√	√	√	√	√
17	Pangsi sisi, pangsi tengah	• Periksa operasi. • Lincirkan.		√	√	√	√	√
18	* Cabang depan	• Periksa operasi dan kebocoran minyak.		√	√	√	√	
19	* Penyerap hentak	• Periksa operasi dan kebocoran minyak.		√	√	√	√	
20	* Injektor	• Periksa operasi. • Laraskan kelajuan yang sepatutnya.	√	√	√	√	√	√
21	Minyak enjin	• Tukarkan • Periksa paras minyak dan kebocoran.	√	√	√	√	√	√
22	Eleman penapis minyak	• Gantikan	√		√		√	

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

NO.	PERKARA	KERJA PEMERIKSAAN ATAU PENYELENGGARAN	BACAAN JANGKALIGAT (1000 km)					PEMERIK- SAAN TAHUNAN
			1	6	12	18	24	
23	* Sistem penyejukan	• Periksa paras penyejukan dan kebocoran.	√	√	√	√	√	√
		• Gantikan.	Setiap 3 tahun					
24	* Suis depan dan belakang brek	• Periksa operasi.	√	√	√	√	√	√
25	Bahagian bergerak dan kabel	• Lincirkan.		√	√	√	√	√
26	* Pemegang pendikit	• Periksa operasi. • Periksa pendikit gerak bebas dan laraskan jika perlu. • Lincirkan kabel dan pendikit		√	√	√	√	√
27	* Lampu, signal dan suis	• Periksa operasi. • Laraskan lampu depan.	√	√	√	√	√	√


6

TIP

- Penapis udara memerlukan pencucian yang kerap jika keadaan basah atau banyak habuk.
- Sistem brek hidraulik
 - Biasanya periksa paras cecair brek dan tambahkannya sebagaimana yang diperlukan.
 - Tukarkan penutup-penutup minyak di bahagian dalam silinder utama dan silinder kaliper untuk setiap 2 tahun.
 - Gantikan hos brek untuk setiap 4 tahun, atau apabila terdapat retakan atau kerosakkan.


PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN

Menanggal dan memasang panel dan penutup



1. Panel
2. Tangki bahan api
3. Penutup

Penutup dan panel perlu ditanggalkan untuk melakukan kerja-kerja penyelenggaraan yang akan dibincangkan dalam bahagian ini. Rujuk pada bahagian ini setiap kali penutup dan panel perlu ditanggalkan dan dipasang.




1. Bolt
2. Panel

Untuk membuka panel

1. Tanggalkan tempat duduk (lihat mukasurat 3-10) untuk prosedur membuka dan memasang tempat duduk).
2. Buka skru kemudian tanggalkan panel seperti yang ditunjukkan.

Untuk memasang panel

Letakkan penutup pada kedudukan asal kemudian pasang bolt.



1. Bolt
2. Penutup

Untuk membuka penutup

Buka bolt yang mengikat penutup, kemudian tarik keluar penutup seperti yang ditunjukkan.


Untuk memasang penutup

Letakkan penutup pada tempat asalnya, kemudian ikatkan bolt penutup di tempat yang disediakan.


PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PENYELARASAN

Pemeriksaan palam pencucuh

Palam pencucuh adalah bahagian penting dalam enjin dan perlu diperiksa selalu. Memandangkan haba dan kekotoran akan menyebabkan palam pencucuh perlahan-lahan terhakis, ia harus diperiksa dan diganti dengan merujuk kepada rajah penyelenggaraan dan pelinciran berkala. Selain itu, keadaan palam pencucuh mempengaruhi keadaan enjin.



1. Penutup palam pencucuh



1. Spana palam pencucuh

Untuk mengeluarkan palam pencucuh

1. Buka penutup (lihat mukasurat 6-5).
2. Buka penutup palam pencucuh;
3. Keluarkan palam pencucuh seperti yang ditunjukkan, menggunakan spana palam pencucuh yang disediakan di dalam beg alatan pengguna.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Untuk memeriksa palam

1. Periksa sama ada sekeliling penebat porselin di tengah elektrod palam pencucuh adalah berwarna kelabu yang sederhana dan cerah (Warna ini biasanya untuk motosikal yang ditunggang dengan keadaan biasa).

TIP


Jika palam pencucuh menunjukkan warna yang berlainan setelah digunakan, enjin mungkin akan rosak. Jangan membaikinya sendiri. Sebaliknya dapatkan pengedar Yamaha untuk memeriksanya.

2. Periksa hakisan elektrod pada palam pencucuh dan karbon yang berlebihan atau kotoran lain, dan gantikannya jika perlu.

Spesifikasi palam pencucuh:
NGK/CR8E - DENSO/U24ESR-N

Memasang palam pencucuh

1. Ukur jarak palam pencucuh dengan alat pengukur ketebalan dan jika perlu, selaraskan jarak mengikut spesifikasi.



1. Jarak palam pencucuh

Jarak Palam Pencucuh:
0.7–0.8 mm (0.027–0.031in)

2. Bersihkan permukaan gasket palam pencucuh dan permukaan yang kotor, dan bersihkan sebarang kekotoran pada ulir palam pencucuh.
3. Pasangkan palam pencucuh dengan spana palam pencucuh, dan kemudian ketatkan kepada spesifikasi tork yang ditentukan.

Tork pengetatan:
Palam pencucuh:
12.5 Nm (1.25 m·kgf, 9.0 ft·lbf)

TIP

Jika tiada spana pengukur tork ketika memasang palam pencucuh, anggaran yang terbaik adalah dengan memulas $\frac{1}{4}$ - $\frac{1}{2}$ pusingan selepas dketatkan dengan tangan. Walau bagaimanapun, palam pencucuh haruslah dketatkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan secepat yang mungkin.

4. Pasangkan penutup palam pencucuh
5. Pasangan penutup pada posisi asalnya dan kemudian ketatkan bolt.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Minyak enjin dan elemen penapis minyak enjin

Paras minyak enjin harus diperiksa sebelum menaiki motosikal. Selain itu, minyak enjin harus ditukar dan elemen penapis minyak diganti mengikut masa yang ditentukan didalam carta penyelenggaraan berkala dan pelinciran.

Pemeriksaan paras minyak enjin

1. Tegakkan motosikal dengan menggunakan pangsi tengah.

TIP

Pastikan motosikal adalah tegak semasa memeriksa paras minyak. Jika condong sedikit bacaan akan salah.

2. Hidupkan enjin, panaskan enjin untuk beberapa minit, selepas itu matikan suis.
3. Tunggu beberapa minit sehingga minyak berkumpul, buka penutup ukurcelup, lapkannya dengan kain bersih, masukkan ukurcelup untuk memeriksa paras minyak.




1. Penutup ukurcelup minyak enjin

TIP

Paras minyak enjin patut berada di antara tanda paras minima dan maksima.

4. Jika paras minyak enjin berada atau lebih rendah daripada paras minima, tambahkan minyak secukupnya untuk menaikkan paras minyak ke tahap yang sepatutnya.
5. Masukkan ukurcelup ke dalam lubang penapis minyak, kemudian ketatkan penutup ukurcelup.




1. Ukurcelup
2. Tahap maksima
3. Tahap minima

Untuk menukar minyak enjin (dengan atau tanpa penggantian elemen penapis minyak)

1. Hidupkan enjin, panaskan enjin untuk beberapa minit, selepas itu matikan suis.
2. Letakkan bekas minyak di bawah enjin untuk mengumpul minyak enjin terpakai.
3. Buka penutup ukurcelup dan palam buangan bersama dengan "O-ring", spring pemampatan dan penapis minyak enjin untuk mengeluarkan minyak enjin.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH



1. Palam buangan minyak mesin
2. O-ring
3. Spring pemampat
4. Penapis minyak
5. Bekas minyak

6


PERHATIAN

Apabila membuka palam buangan, "O-ring" spring pemampatan dan penapis minyak akan jatuh keluar. Jangan hilangkan komponen yang disebut it.

TIP

Periksa kerosakkan "O-ring" dan gantikannya jika perlu.

4. Cuci penapis minyak dengan pelarut.




1. Bolt
2. Penutup elemen penapis minyak

TIP

Abaikan langkah 5-7 sekiranya elemen penapis minyak tidak digantikan.

5. Bukakan elemen panapis minyak dengan membukakan palam buangan.
6. Buka dan gantikan elemen penapis minyak dan "O-ring".



1. Elemen penapis minyak mesin
2. O-ring

7. Pasang semua penutup penapis minyak dengan ketatkan palam mengikut tork yang ditetapkan

Tork pengetatan:

Bolt penutup elemen penapis minyak mesin:
10 Nm (1.0 m ·kgf, 7.2 ft·lbf)

TIP

Pastikan O-ring dipasang dengan betul.

8. Pasangkan penapis minyak mesin spring pemampatan, "O-ring" dan palam pembuangan minyak mesin dan ketatkan palam tersebut mengikut tork yang ditetapkan.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

PERHATIAN

Sebelum palam pembuangan minyak enjin dipasangkan, pastikan "O-ring", spring pemampatan, penapis minyak dipasangkan dalam kedudukan yang betul.

Tork pengetatan palam:

Pembuangan minyak enjin:
32 Nm (3.2 m-kgf, 23 ft-lbf)

9. Tambah minyak enjin yang disyorkan dan kemudian tutupkan tudung penapis minyak dengan ketat.

Minyak yang disyorkan:

Lihat mukasurat 8-1.

Kuantiti minyak:

Dengan penggantian elemen penapis minyak enjin:

1.00 L (1.04 US qt) (0.87 Imp.qt)

Tanpa penggantian elemen penapis minyak enjin:

0.95 L (0.92 US qt) (0.83 Imp.qt)

PERHATIAN

- Jangan masukkan tambahan kimia atau guna minyak enjin dengan taraf "CD" (untuk enjin diesel) atau taraf tinggi. Juga jangan guna minyak enjin "ENERGY CONSERVING II" atau taraf tinggi minyak enjin yang melincirkan clutch dan tambahan kimia akan mengganggu kelinciran klac.
 - Jangan masukkan barang-barang lain ke dalam enjin.
10. Hidupkan enjin dan biarkan ia beroperasi tanpa gerak untuk beberapa minit sementara periksa untuk kebocoran minyak. Jika terdapat kebocoran, matikan enjin dan periksa punyanya.
11. Matikan enjin, tunggu beberapa minit sampai minyak mengendap, dan kemudian periksa paras minyak dan memperbaikinya, jika perlu.

Cecair penyejuk

Paras cecair penyejuk hendaklah diperiksa sebelum setiap penunggang. Sebagai penambahan, cecair penyejuk perlu ditukar mengikut tempoh dalam rajah penyelenggaraan pelinciran.

Untuk memeriksa paras ejen pendingin


Paras cecair penyejuk hendaklah diperiksa sebelum setiap penunggang. Tambahan pila, cecair penyejuk perlulah ditukar mengikut tempoh yang ditetapkan dalam rajah penyelenggaraan dan pelinciran.

1. Tegakkan motosikal di atas pangsi tengah.

TIP

- Paras penyejuk harus diperiksa semasa enjin sejuk kerana suhu enjin berbeza-beza.
 - Pastikan bahawa motosikal diposisikan tegak ke atas ketika periksa paras penyejuk. Jika condong sedikit ke tepi akan menghasilkan pembacaan yang salah.
2. Periksa paras cecair penyejuk dalam tangki cecair penyejuk.


PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH



1. Tanda paras maksima
2. Tanda paras minima

TIP

Cecair penyejuk sepatutnya berada pada paras diantara had maksima dan minima



1. Penutup tangki penyejuk

Kapasiti tangki cecair penyejuk
(sehingga ke paras maksima):
0.24 L

PERHATIAN

- Sekiranya cecair penyejuk tidak didapati, gunakan air suling atau air paip yang lembut, Jangan gunakan air keras atau air masin di mana ia akan memudaratkan enjin tersebut
- Sekiranya air telah digunakan, gantikan dengan cecair penyejuk secepat mungkin. kalau tidak enjin mungkin tidak cukup sejuk dan sistem penyejukan tidak dapat

terlindungan daripada proses pengaratan dan pengakisan.

- Sekiranya air telah dicampurkan kepada cecair penyejuk, pemeriksaan hendaklah dijalankan oleh pengedar Yamaha terhadap kandungan anti pengaratan dalam cecair penyejuk tersebut secepat mungkin. Kalau tidak, tahap keberkesanan untuk cecair penyejuk akan berkurangan.



AMARAN

Jangan menanggalkan penutup radiator semasa enjin masih panas.

5. Pasangkan penutup tangki cecair penyejuk.
6. Tempatkan penutup tangki cecair penyejuk dalam kedudukan asal dan ketatkan dalam mengikut tork yang ditetapkan.

TIP

- Kipas radiator akan "buka" atau "tutup" secara automatik berdasarkan suhu cecair penyejuk di radiator.
- Sekiranya enjin terlalu panas, lihat muka surat 6-36 untuk arahan selanjutnya.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH


Penukaran cecair penyejuk

AMARAN

Jangan cuba membuka penutup radiator semasa enjin dalam keadaan panas.

Cecair penyejuk mesti ditukarganti dalam jangkamasa yang ditentukan dalam rajah penyelenggaraan berkala dan rajah pelinciran. Dapatkan pengedar YAMAHA untuk menukar gantikan cecair penyejuk tersebut.


Membersihkan elemen penapis udara



1. Bolt tangki bahan api
2. Tangki bahan api

Elemen penapis udara patut dicuci dalam jangka masa yang ditentukan dalam jadual penyelenggaraan dan pelinciran. Cuci elemen penapis udara dengan lebih kerap sekiranya menunggangnya dalam keadaan lembab dan behabuk.

1. Keluarkan tempat duduk (lihat mukasurat 3-10).
2. Keluarkan bolt tangki bahan api.
3. Tanggalkan tangki bahan api dan jauhinya dari bekas penapis udara. (Jangan mengeluarkan tangki bahan api.




1. Bolt tangki bahan api

AMARAN


- Pastikan bekas bahan api berada pada kedudukan sempurna.
- Jangan mencondong atau menarik bekas bahan api terlalu kuat. Ini akan mengakibatkan hos tercabut dan penumpahan bahan api akan berlaku.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH




1. Bekas penapis udara
2. Skru (x4)

4. Tanggalkan bekas penapis udara dengan mengeluarkan skrunya.
5. Tarik keluar elemen penapis udara.



1. Elemen penapis udara

6. Ketukkan secara ringan elemen penapis udara untuk membuang kotoran dan habuk yang terlekat, selepas itu gunakan semburan tekanan angin yang tinggi untuk menanggalkan sisa-sisa kotoran. Periksa elemen penapis udara, jika rosak gantikan jika perlu.



1. Elemen penapis udara

7. Masukkan elemen penapis udara baru ke dalam kotak penapis udara.

PERHATIAN: Pastikan bahawa elemen penapis udara duduk dengan elok di dalam kotak penapis udara. Enjin tidak boleh dikendalikan tanpa elemen penapis udara dipasang, jika tidak piston(s) dan/atau silinder(s) boleh menjadi haus degan cepat.

8. Pasang penutup kotak penapis udara dengan memasang skrunya.
9. Letakkan tangki bahan api di posisi asalnya dan pasangkan skru.

AMARAN

- Sebelum meletak tangki bahan api ke keadaan asalnya, pastikan bahawa semua hos-hos tidak rosak. Jika ada has yang rosak dapatkan bantuan wakil Yamaha untuk membaikinya untuk mengelakan kebocoran.
- Pastikan semua hos disambungkan dengan sempurna dan tidak tersangkut.


10. Pasangkan tempat duduk.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Penyelarasan hadlaju enjin tanpa gerak

Enjin hadlaju tanpa gerak harus diperiksa dan jika perlu dilaraskan mengikut jadual yang ditentukan dalam carta penyelenggaraan berkala dan pelinciran. Enjin harus panas sebelum membuat penyelarasan ini.

Periksa enjin hadlaju tanpa gerak dan jika perlu laraskan mengikut spesifikasi dengan memutar skru hadlaju tanpa gerak. Untuk meningkatkan kelajuan enjin, putar skru ke arah (a). Untuk mengurangkan kelajuan enjin, putar skru ke arah (b).




1. Skru halaju tanpa gerak enjin

Halaju tanpa bergerak:
1300–1500 r/min

TIP

Sekiranya halaju tanpa bergerak yang ditentukan tidak dapat dicapai, hubungi wakil penderang Yamaha untuk menyelarakannya.

Adjusting the throttle cable free play



1. Gerak bebas kabel pendikit
2. Nat kunci
3. Nat penyelaras

Gerak bebas kabel pendikit sepatutnya 3.0 – 7.0mm (0.12 – 0.28 in) dengan pemegang pendikit. Sentiasa memeriksa gerak bebas kabel pendikit, jika perlu, laraskannya seperti yang ditunjukkan.

TIP

Sebelum menyelaras gerak bebas bagi kabel pendikit, hendaklah menyelaraskan halaju enjin tanpa gerak dengan betul terlebih dahulu.

1. Longgarkan nut kunci.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

- Putarkan pelaras ke arah (a) untuk penambahan gerak bebas kabel pendikit. Untuk mengurangkan gerak bebas kable pendikit sila putarkan pelaras ke arah (b).
- Ketatkan nat kunci.

Jarak bebas injap

Jarak bebas injap akan berubah dengan penggunaan, menghasilkan campuran udara-bahan api yang tidak tepat dan/atau enjin yang bising. Untuk mengelakkan perkara ini berlaku, jarak bebas injap harus dilaraskan oleh wakil Yamaha mengikut carta penyelenggaraan berkala dan pelinciran.

Tayar

Untuk memaksimumkan prestasi, daya tahan dan operasi yang selamat dari motosikal anda, perhatikan hal berikut mengenai tayar yang disyorkan.

Tekanan angin tayar

Tekanan angin tayar harus diperiksa dan jika perlu, dilaraskan sebelum menunggang motosikal.

AMARAN

- Tekanan angin tayar harus diperiksa dan dilaraskan bila tayar sejuk (iaitu, ketika suhu tayar sama dengan suhu persekitaran).
- Tekanan angin tayar harus dilaraskan mengikut kelajuan dan berat penunggang, penumpang, kargo dan aksesori yang diluluskan untuk model ini.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Tekanan udara tayar (ukur dalam keadaan sejuk):

Depan:

200 kPa (29 psi) (2.00 kgf/cm²)

Belakang:

225 kPa (33 psi) (2.25 kgf/cm²)

Beban maksima*:

201 kg (443 lb)


* Jumlah berat penunggang, barang-barangan dan alat kelengkapan

AMARAN

Keseimbangan dan berat muatan adalah penting semasa mengendalikan motosikal, membrek, prestasi dan keselamatan. Jangan membawa barangan yang tidak diikat dengan ketat kerana boleh menyebabkan barang tersebut jatuh semasa penunggaran. Bungkuslah barang dengan cermat dan letakkan di tengah-tengah supaya beratnya sekata dikiri dan dikanan. Periksa keadaan dan tekanan tayar motosikal anda. **JANGAN MEMBAWA MUATAN YANG BERLEBIHAN DI ATAS**

MOTOSIKAL. Pastikan keseluruhan penunggang, muatan dan barangan tidak melebihi berat muatan yang dibenarkan. Kesan daripada lebihan muatan akan menyebabkan kerosakkan pada tayar motosikal, kehilangan kawalan, atau kecederaan.

Pemeriksaan Tayar



1. Dinding tepi tayar
2. Penunjuk penggunaan tayar
3. Kealaman benang tayar

Tayar perlu diperiksa sebelum menunggang motosikal. Jika tayar mempunyai bunga tayar yang kurang (kedalaman bunga tayar minima), terdapat paku atau serpihan kaca, dapatkan wakil Yamaha dengan segera untuk membaikinya.

Kedalaman bunyar tayar minima (depan dan belakang)
1.0 mm (0.04 in)

TIP

Bunga tapak kedalaman tayar mungkin berlainan dari satu negara ke negara lain. Selalu mematuhi peraturan tempatan.

AMARAN

- Dapatkan wakil Yamaha untuk menggantikan tayar jika bunganya sudah berhausan. Selain haram, menunggang motosikal dengan berkurangan bunga tidak akan stabil dan boleh mengakibatkan kehilangan kawalan.
- Penggantian semua roda dan bahagian brek berkaitan, termasuk tayar, harus diserahkan kepada wakil Yamaha, yang mempunyai pengetahuan kedalaman dan pengalaman yang diperlukan untuk melakukannya.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Maklumat tayar

Motosikal ini adalah dilengkapi dengan tayar tanpa tiub.

AMARAN

- Tayar depan dan tayar belakang haruslah sama jenis dan rupa, Jika tidak pengawalan semasa menunggang tidak terjamin.
- Selepas diuji, hanya tayar jenis berikut disyorkan oleh Yamaha Motor Co. Ltd.

Tayar depan:

Saiz:

90/80-17M/C 46P

Pengilang/Model:

KENDA RUBBER
INDUSTRIAL CO.

Tayar belakang:

Saiz:

120/70-17M/C 58P

Pengilang/Model:

KENDA RUBBER
INDUSTRIAL CO.

AMARAN

- Adalah berbahaya menunggang motosikal dengan tayar yang tidak berbunga. Jika bunga tayar menunjukkan garisan, dapatkan khidmat pihak wakil Yamaha untuk menggantikan tayar tersebut dengan segera.
- Penukaran barangan brek, tayar dan roda harus dikendalikan oleh wakil Yamaha yang berpengetahuan dan berpengalaman.
- Tayar yang pancit tidak disyorkan untuk ditampal. Walau bagaimanapun, jika keadaan tidak mengizinkan, tampal tiub sebaik mungkin dan tukar tiub baru dan berkualiti secepat mungkin.

AMARAN

Tayar motosikal model ini tidak direka untuk menggunakan tayar tanpa tiub. Jangan sekali cuba menggunakannya.


Roda

Untuk memastikan prestasi yang maksima, tahan lama dan operasi yang selamat, perhatikan perkara berikut:

- Periksa jika ada keretakan dan lenturan roda, jejari longgar (untuk model tayar berjejari) ataupun kerosakan. Jika terdapat kerosakan ditemui, dapatkan pembaikan dari pihak wakil Yamaha. Jangan cuba membaiki sendiri kerosakan pada roda walaupun kerosakan kecil. Sekiranya, roda mengalami keretakan atau pengubahan bentuk ia mesti digantikan.
- Tayar atau roda mesti diseimbangkan apabila salah satunya ditukar atau digantikan. Ketidakseimbangan tayar akan mengakibatkan prestasi buruk, ciri kawalan yang tidak baik dan memendekkan jangka hayat tayar.
- Selepas memasang tayar, tunggang dengan cermat dengan kelajuan yang sederhana memandangkan bunga tayar yang baru untuk menyesuaikan dan membentuk sifatnya yang optimum.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Penyelarasan pencengkam tuil gerak bebas




1. Pengunci nat (pencengkam tuil)
2. Bolt penyelarasan

Tuil pencengkam gerak bebas sepatuhnya berukuran 10-15mm seperti yang ditunjukkan. Tuil pencengkam gerak bebas perlu diperiksa selalu dan jika perlu laras ia seperti berikut:

1. Longgorkan pengunci nat di tuil pencengkam gerak bebas.
2. Untuk meningkatkan permainan tuil pencengkam gerak bebas, putarkan nat pengunci ke arah (a). Untuk mengurangkan permainan tuil pencengkam gerak bebas, putarkan nat pengunci ke arah (b).

3. Jika tuil pencengkam gerak bebas tidak dapat dilaksanakan seperti yang ditunjukkan, Ketatkan nat pengunci dan mengikut langkah seterusnya seperti berikut.
4. Putarkan hingga habis nat penyelaras mengikut arah (a) untuk membuka kabel pencengkam gerak




1. Pengunci nat (kabel pencengkam)
2. Nat penyelaras

5. Longgorkan pengunci nat kebawah hingga ke kabel pencengkam.
6. Untuk meningkatkan permainan tuil pencengkam gerak bebas, pusingkan nat penyelaras ke arah (a). Untuk mengurangkan permainan tuil pencengkam gerak bebas, pusingkan nat penyelaras ke arah (b).
7. Ketatkan kedua-dua nat penyelaras.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Periksa gerak bebas tuil brek



Seharusnya tiada gerak bebas pada tuil brek penghujung. Jika ada gerak bebas, dapatkan wakil Yamaha untuk memeriksanya.


6

AMARAN

Rasaan lembut atau span di tuil brek menunjukkan adanya angin dalam sistem hidrolik. Jika ada angin dalam sistem hidrolik, dapatkan wakil Yamaha untuk bleed sistem hidrolik sebelum menunggang motosikal. Angin dalam sistem hidrolik akan mengurangkan prestasinya, dan ia boleh menyebabkan kehilangan kawalan dan kemalangan.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH


Penyelarasan suis lampu brek belakang



1. Suis brek lampu belakang
2. Nat Penyelaras suis brek lampu belakang

Penyelarasn suis lampu brek belakang adalah betul apabila lampu brek menyinari sebelum brek bertindak. Jika perlu, menyelaraskan suis lampu brek seperti berikut. Pusingkan nat penyelarasan dengan memegangkan suis lampu brek belakang pada kedudukannya. Untuk membuat lampu brek menyinari lebil awal, pusingkan nat ke arah (a). Untuk membuat lampu brek menyinari lebih lewat, pusingkan nat ke arah (b)

Memeriksa pad brek depan dan kekasut brek belakang




1. Penunjuk had pelapik brek

Pelapik brek depan dan gesel brek belakang mesti diperiksa dalam tempoh yang telah ditentukan dalam rajah penyelenggaraan dan pelinciran.

Pad brek depan

Setiap pad brek depan dilengkapi dengan alur penunjuk kehausan, yang membolehkan anda untuk memeriksa kehausan tanpa menanggalkannya. Untuk memeriksa pad brek kehausan, lihat pada alur pad brek. Jika kehausan pad brek telah sampai pada hadnya, lurah pada pad brek akan hampir tidak kelihatan. Dapatkan wakil Yamaha untuk menggantikan sepasang pad brek.

6-20




1. Penunjuk had pad brek

Pad brek belakang

Setiap pad brek belakang dilengkapi dengan alur penunjuk kehausan, yang membolehkan anda untuk memeriksa kehausan tanpa menanggalkannya. Untuk memeriksa pad brek kehausan, lihat pada alur pad brek. Jika kehausan pad brek telah sampai pada hadnya, lurah pada pad brek akan hampir tidak kelihatan. Dapatkan wakil Yamaha untuk menggantikan sepasang pad brek.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Memeriksa cecair brek depan



1. Tanda paras minima

6

Kekurangan minyak brek membolehkan udara memasuki sistem brek dan akan mengganggu fungsinya. Sebelum penunggang pastikan minyak brek melebihi paras minima, tambah jika perlu. Kekurangan minyak brek mungkin berpunca dari kehausan pad brek atau kebocoran. Jika minyak brek berkurangan, periksa kehausan pad atau kebocoran.

Perhatikan perkara penting:

- Semasa memeriksa paras minyak brek, pastikan paras silinder utama berkeadaan sekata dengan melaraskan pemegang bar.
- Gunakan cecair brek yang disyorkan, jika tidak getah penutup akan rosak kemungkinan berlakunya kebocoran dan pengurangan prestasi membrek.

Minyak brek yang disyorkan:
DOT 3 & DOT 4

- Minyak brek akan merosakkan bahan bercat atau bahan plastik. Bersihkan secepat mungkin jika tumpahan berlaku.
- Adalah biasa sekiranya minyak brek berkurangan jika berlaku kehausan pada pelapik brek. Walau bagaimanapun, jika cecair berkurangan secara tiba-tiba, dapatkan bantuan dari wakil Yamaha untuk pemeriksaan.

TIP

Jika DOT 4 tidak boleh didapati DOT 3 juga boleh digunakan.

- Penambahan minyak brek hendaklah menggunakan minyak brek yang sama jenis. Mencampurkan minyak brek menyebabkan tindak balas kimia dan prestasi brek menurun.
- Pastikan air tidak memasuki semasa penambahan cecair brek ke dalam silinder utama. Air akan menurunkan takat didih cecair dan akan menyebabkan "vapor lock".


PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Menukar minyak brek

Dapatkan wakil Yamaha untuk menukar minyak brek dalam masa yang telah diberikan di dalam jadual penyelenggaraan dan pelinciran. Jika terdapat kebocoran getah penutup minyak (oil seal) pada silinder brek utama, kaliper dan hos brek, dapatkan wakil Yamaha untuk penggantian ataupun tukar pada tempoh yang ditetapkan.

- "Oil seals" : Tukar 2 tahun sekali
- Hos brek : Tukar 4 tahun sekali

Rantai pemacu kendur



1. Kekenduran rantai pemacu

Kekenduran rantai pemacu perlu diperiksa sebelum menunggang motosikal dan laraskannya jika perlu

Memeriksa kekenduran rantai pemacu


1. Tegakkan motosikal di atas pangsi tengah.
2. Masukkan gear ke kedudukan Neutral.
3. Pusingkan roda belakang beberapa kali untuk mengesan bahagian rantai pemacu yang paling ketat.
4. Laraskan kekenduran rantai pemacu seperti yang ditunjukkan

Kekenduran rantai pemacu

20.0–40.0 mm (0.78–1.56 in)

5. Jika kekenduran rantai pemacu salah, laraskannya seperti berikut:

6-22




1. Nat penyalarsan gerak bebas pedal brek
2. Nat rod tork brek

Untuk menyalarskan kekenduran rantai pemacu

1. Longgarkan nat pelaras gerak bebas pedal brek dan nat rod untuk tork brek.
2. Longgarkan nat roda, kemudian longgarkan kedua-dua nat pengunci di hujung swingarm.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH



1. Sesendal

2. Penahan Penjajar

3. Untuk mengetat rantai pemacu, putar nat pelaras kekenduran rantai pemacu pada kedua penhujung swingarm ke arah (a). Untuk melonggarkan rantai pemacu, putar nat pelaras di penhujung swingarm ke arah (b) kemudian tolak roda belakang masuk. **PERHATIAN:** Kekenduran rantai akan membebani enjin serta bahagian penting lain dan ia juga boleh menyebabkan rantai terkeluar atau putus.

TIP

Pastikan bahawa takik pada plat penajajaran berada dalam kedudukan yang sama di kedua-dua sisi untuk penyelarasan roda yang tepat.

4. Mengetatkan nat rod roda dan kemudian ketatkan pengunci nat ke tork yang ditetapkan.

Tork pengetatkan:

Nat rod roda:

90 Nm (9.0 m-kgf, 65 ft-lbf)

Nat rod tork brek:

16 Nm (1.6 m-kgf, 12 ft-lbf)

5. Menyelaraskan gerak bebas pedal brek (lihat mukasurat 6-19).

⚠ AMARAN

Selepas menyelaraskan gerak bebas pedal brek, periksa operasi lampu brek.

Pembersihan dan pelinciran rantai pemacu

Rantai pemacu harus dibersihkan dan digris mengikut jadual penyelenggaraan berkala dan pelinciran, jika tidak ia akan cepat haus, terutama bila menunggang di kawasan berdebu atau tempat yang basah. Servis rantai pemacu seperti berikut.

PERHATIAN

Rantai pemacu harus digris selepas mencuci motosikal, hari hujan atau menunggang di kawasan basah.

1. Guna berus atau kain untuk membersihkan semua kotoran dan lumpur dari rantai pemacu.


TIP

Untuk pembersihan yang lengkap, dapatkan wakil Yamaha untuk mengeluarkan rantai pemacu dan merendamkannya ke dalam pelarut.

2. Semburkan "Yamaha Chain and Cable Lube" atau pelincir jenis semburan yang bermutu tinggi kepada kedua-dua belah dan bahagian tengah rantai pemacu. Pastikan semua permukaan rantai pemacu disembur dengan sekata.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Pemeriksaan dan pelinciran kabel



Operasi yang dijalankan oleh semua kabel kawalan dan keadaan kabel seharusnya diperiksa sebelum penunggang. Kabel haruslah dilincirkan jika perlu. Jika kabel rosak atau tidak bergerak dengan lancar, dapatkan wakil Yamaha untuk memeriksa atau menggantikannya.

Pelincir yang disyorkan:
Minyak pelincir

AMARAN


Kerosakan sarung kabel akan mengganggu operasi kabel dan menyebabkan kabel berkarat. Gantikan kabel yang rosak untuk mengelakkan sebarang kejadian yang tidak selamat berlaku.

Pemeriksaan dan pelinciran pengcengkam pendikit dan kabel


Periksa operasi pengcengkam pendikit sebelum penunggang. Kabel perlu dilincirkan dan ditukar dalam tempoh tertentu seperti dalam jadual penyelenggaraan dan pelinciran.

Pemeriksaan dan pelinciran brek dan tuil pengcengkam

Tuil brek




Tuil pengcengkam



PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Pelinciran pedal brek




6

Operasi pedal brek patut diperiksa sebelum setiap tunggangan, dan paksi pedal sepatutnya dilincirkan jika perlu,

Pelincir yang disyorkan:

Lithium-soap-based grease (gris semua tujuan)

Memeriksa dan melincirkan pangsi tengah dan pangsi sisi



Operasi pangsi tengah dan pangsi sisi patuhlah diperiksa sebelum penunggaran dan paksi patuh diminyakkan untuk melancarkan pergerakannya jika perlu.

⚠ AMARAN

Jika pangsi tengah dan pangsi sisi tidak berfungsi dengan sempurna, hubungilah wakil Yamaha untuk memeriksa atau membaikinya.

Pelincir yang disyorkan:

Lithium-soap-based grease (gris semua tujuan)

Pemeriksaan pangsi membelok

Pangsi membelok mesti dilincirkan pada masa yang ditentukan dalam rajah penyelenggaraan dan pelinciran.

Pelincir yang disyorkan:

"Lithium-soap-based grease"

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Pemeriksaan cabang hadapan

Pemeriksaan keadaan dan operasi cabang hadapan hendaklah diperiksa mengikut tempoh yang dinyatakan dalam jadual penyelenggaraan dan pelinciran.

Memeriksa keadaannya.




AMARAN

Sokonglah motosikal anda dengan cermat supaya ia tidak terjatuh.

Periksa sama ada terdapat calar atau kerosakan pada bahagian tiub dalam dan kebocoran minyak pada cabang hadapan.

Memeriksa operasi cabang hadapan

1. Letakkan motosikal di tempat rata dalam keadaan tegak.
2. Tarik brek hadapan, tekan dengan kuat pada handlebar ke bawah beberapa kali untuk memastikan cabang hadapan bergerak ke bawah dan ke atas secara lancar.



PERHATIAN


Jika terdapat apa-apa kerosakkan atau gerakan sepih epan yang tidak lancar, sila hubungi wakil Yamaha untuk membaikinya.

Pemeriksaan galas-galas roda

Pemeriksaan galas-galas roda haruslah dilakukan mengikut jadual penyelenggaraan dan pelinciran. Sekiranya terdapat kelonggaran pada hab roda ataupun roda tidak bergerak dengan lancar, dapatkan wakil Yamaha untuk memeriksa galas-galas roda itu.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Bateri



1. Terminal bateri

Model ini dilengkapi dengan bateri VRLA (Valve Regulated Lead Asid). Oleh itu ia tidak memerlukan pemeriksaan elektrolit atau penambahan air bateri ke dalam bateri. Walau bagaimanapun, sambungan pada bateri perlu diperiksa dan ketatkannya jika perlu.

PERHATIAN

Dilarang membuka penutup pada bateri. Ia boleh merosakkan bateri.

⚠ AMARAN

● Elektrolit bateri mempunyai racun yang berbahaya juga boleh mengakibatkan lecuran yang teruk dan sebagainya. Jauhi daripada terkena kulit, mata atau pakaian. Sentiasa melindungi mata anda ketika bekerja berdekatan dengan bateri. Jika berlaku masalah, ikutilah langkah-langkah pertolongan cemas berikut.

- LUAR: Cuci dengan air yang banyak.
- DALAM: Minum banyak air atau susu dan segera dapatkan rawatan doktor.
- MATA: Cuci dengan air selama 15 minit dan dapatkan rawatan segera.
- Bateri mengeluarkan gas hidrogen yang mudah meletup. Jauhilah bateri dari api, bunga api, puntung rokok dan sebagainya. Pengaliran udara mestilah berkeadaan baik apabila mengecas bateri di kawasan yang tertutup.

- JAUHI SEBARANG BATERI DARIPADA KANAK-KANAK.

Mengecas bateri

Bawa bateri ke wakil Yamaha secepat mungkin sekiranya bateri menunjukkan ianya perlu dicas. Perlu diingati bahawa bateri mudah lemah jika motosikal ditambah dengan barang tambahan elektronik.

PERHATIAN

Untuk mengecas bateri jenis VRLA (Valve Regulated Lead Asid), memerlukan pengecas yang khas (voltan dibekalkan secara sekata). Menggunakan pengecas yang biasa boleh merosakkan bateri. Jika tiada alat pengecas yang khas untuk bateri jenis ini, dapatkan wakil Yamaha untuk mengecas bateri.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Menyimpan baterai

1. Apabila motosikal tidak akan digunakan selama sebulan atau lebih, tanggalkan bateri, caskan sepenuhnya dan simpan di tempat sejuk dan kering.

PERHATIAN:


Semasa menanggalkan bateri, pastikan suis utama dalam keadaan 'OFF', cabut pada penyambungan negatif dahulu sebelum penyambungan positif.

2. Jika bateri akan disimpan untuk lebih dari dua bulan, bateri harus diperiksa sekurang-kurangnya sekali sebulan dan caskan sepenuhnya jika perlu.
3. Sebelum pemasangan, bateri perlu dicas sepenuhnya.
4. Selepas pemasangan bateri pada kedudukan asal motosikal, pastikan sambungan terminal bateri disambung dengan baik.

PERHATIAN

Pastikan bateri dicas sepenuhnya sebelum disimpan. Kerosakan mungkin terjadi sekiranya bateri disimpan tanpa dicas.

Menggantikan fuis



1. Fuis

Pemegang fuis berada di bawah tempat duduk (lihat m/s 3-7). Jika fuis terbakar, gantikannya seperti yang ditunjukkan.

1. Pastikan suis utama berada pada kedudukan 'OFF' dan semua sambungan litar elektrik terputus.

2. Keluarkan fuis yang terbakar, dan gantikan dengan fuis yang baru yang mempunyai ampere yang sesuai.

AMARAN! Jangan menggunakan fuis yang mempunyai ampere yang tinggi dari yang disyorkan untuk mengelakkan berlakunya kerosakan pada sistem elektrik dan kemungkinan kebakaran.


Spesifikasi fuis:

15.0 A

3. Pusingkan suis utama pada kedudukan 'ON' dan semua sambungan litar elektrik untuk memastikan fuis yang dipasang berfungsi dengan baik.
4. Jika fuis masih lagi terbakar, dapatkan wakil Yamaha untuk pemeriksaan.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Penukaran mentol lampu depan




6

1. Bolt kanta lampu depan (x4 kpg)

Motosikal ini dilengkapi dengan mentol lampu depan kuartz. Jika mentol ini terbakar, gantikan seperti berikut:


1. Buka lampu depan dengan mengeluarkan bolt di kedua-dua belah bahagian.



a. Jangan menyentuh bahagian ini

PERHATIAN


Jangan sentuh bahagian kaca mentol lampu supaya ia bebas dari minyak dan prestasi ia tidak terjejas. Bersihkan sebarang kotoran atau cap jari di atas mentol menggunakan kain dan alkohol atau "thinner".



1. Penutup getah
2. Skru pemegang mentol
3. Sambungan alat perangkai
4. Pemegang mentol

2. Memutuskan sambungan alat perangkai dan mengeluarkan penutup lampu depan.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH




1. Mentol

3. Keluarkan soket mentol lampu dan cabut keluar mentol lampu yang terbakar.
4. Pasangkan mentol baru pada soket mentol.

5. Pasang penutup mentol dan sambungkan alat perangkai.
6. Pasang unit lampu depan dan boltnya.
7. Dapatkan bantuan wakil Yamaha untuk menyelaraskan lampu depan jika diperlukan.

Penukaran mentol lampu isyarat




1. Skru
2. Mentol
3. Kanta


1. Tanggalkan kanta lampu isyarat dengan membuka skrunya.
2. Tarik keluar mentol lampu yang rosak.
3. Gantikan mentol yang baru.
4. Pasang kembali kanta dan ikat skrunya.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Menganti mentol lampu belakang
dan lampu brek



1. Pemegang mentol



1. Mentol


6

1. Keluarkan tempat duduk
2. Buka panel

3. Buka mentol yang rosak dengan menekan ia, kemudian pusing ke arah lawan jam.
4. Pasangkan mentol baru pada soket, tekan ia kemudian pusingkannya ke arah jam sehingga ia berhenti.
5. Pasang soket (bersama dengan mentol) kemudian memusingkan ia ke arah jam.
6. Pasangkan tempat duduk.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Roda depan



1. Nat pasak

Untuk membuka roda depan



AMARAN

- Untuk mengelak dari kecederaan pastikan motosikal diletak dengan elok dan tidak mudah terjatuh.

1. Tegakkan motosikal diatas pangsi tengah.
2. Keluarkan nat pasak.

3. Cabut keluar rod roda dan keluarkan roda. **PERHATIAN:** Jangan menekan brek hadapan apabila roda telah ditanggalkan bersama dengan brek cakera. Ia menjadikan pad brek rapat dan menyukarkan pemasangan semula roda.

Untuk memasang roda depan

1. Angkatkan roda dan masukkan diantara sepit depan.

PERHATIAN:

Pastikan ada ruang yang cukup diantara pelapik brek sebelum memasukkan cakera brek ke dalam kaliper.

2. Masukkan pasak roda dan pasang sesendal dan nat pasak.
3. Turunkan roda depan supaya berada di lantai.
4. Ketatkan nat pasak ke tork yang ditentukan.


Tork ketatan:

Nat pasak
60 Nm (600 Kg/cm)

5. Tekan dengan kuat pada handlebar beberapa kali untuk memastikan cabang depan berfungsi dengan sempurna.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Roda Belakang



1. Nat pengunci

Menanggalkan roda belakang

1. Longgarkan nat pengunci dan nat pelarasan kenduran rantai pemacu pada kedua-dua belah swingarm.
2. Longgarkan nat rod roda.
3. Letakkan motosikal di pangsi tengahnya.
4. Masukkan rod roda.
5. Pasangkan kaliper brek dengan memasang bolt.

PERHATIAN

- Untuk mengeluarkan dan memasang roda, rantai pemacu tidak perlu dibuak.
6. Sambil menyokong kaliper brek dan roda mengangkat roda sedikit, tarik rod roda keluar.

NOTICE

- Pemukul getah adalah berguna untuk membantu mengeluarkan rod roda.

7. Keluarkan roda. **PERHATIAN:** Jangan menekan brek selepas roda dan cakera brek sudah dikeluarkan, jika tidak pad brek akan dipaksa tutup.

Untuk memasang roda belakang

1. Pasangkan rantai pemacu ke apoket belakang.
2. Pasangkan roda dengan memasang pasak roda dari sebelah kanan.

NOTICE

- Pastikan sesendal dipasangkan ke pasak roda sebelum memasang pasak roda.

3. Pasangkan sesendal dan nat pasak.
4. Selaraskan kekenduran rantai pemacu.
5. Simpankan pangsi tengah supaya roda belakang menyentuk dengan lantai.
6. Ketatkan nat rod brek dan nat pasak ke tork yang ditentukan.

TIP

- Semasa mengetatkan nat pasak, pegang pasak roda dengan perengkuh supaya ia tidak berpusing.

Tork-tork ketatan:

Nat pasak :
90 Nm (900 Kg/cm)

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Penentuan masalah

Walaupun motosikal Yamaha melalui pemeriksaan yang rapi sebelum dikeluarkan dari kilang, namun masalah mungkin akan berlaku semasa operasi. Masalah didalam bahan api, kemenpatan atau sistem injak adalah contoh yang boleh mendatangkan masalah menghidupkan enjin dan kehilangan kuasa.

Rajah penentuan masalah memberikan penerangan prosedur pemeriksaan yang cepat dan mudah. Sekiranya motosikal anda perlu diperbaiki, dapatkan wakil Yamaha untuk membaikinya kerana mereka mempunyai peralatan, pengalaman dan kemahiran untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Hanya gunakan alat-alat tulen Yamaha untuk motosikal anda. Alat tiruan mungkin serupa dari segi bentuk tetapi kualitinya kurang dan jangka hayat penggunaan yang pendek dan akan membawa kepada kos pembaikan yang lebih tinggi.

PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Rajah Penentuan masalah


Masalah menghidupkan atau pretasi enjin kurang.




AMARAN

Jauhi dari punca kebakaran dan jangan merokok semasa melakukan pemeriksaan atau kerja pada sistem bahan api.


1. Bahan Api




2. Tekanan



3. Pencucuhan



4. Bateri




PENYELENGGARAAN BERKALA DAN PEMBAIKAN MUDAH

Suhu enjin pada tahap kritikal

⚠️ AMARAN

- Jangan membuka penutup radiator semasa enjin dan radiator panas. Cecair panas dan wap boleh keluar di bawah tekanan tinggi dan boleh menyebabkan kecederaan serius. Pastikan anda menunggu sehingga enjin sejuk.
- Setelah mengeluarkan bolt penahan penutup radiator, letakkan sehelai kain tebal, contoh tuala di atas penutup radiator dan kemudian perlahan-lahan membuka penutup untuk melepaskan semua tekanan sisa didalam. Bila bunyi mendesis telah berhenti, tekan ke bawah penutup sambil memutarnya berlawanan, dan kemudian keluarkan penutup.



TIP

Sekiranya tidak terdapat bahan penyejuk, air paip boleh juga digunakan untuk sementara dan kemudian di isi semula dengan bahan penyejuk.

PENJAGAAN DAN PENYIMPANAN MOTOSIKAL

Penjagaan

Reka bentuk motosikal yang semakin terbuka menunjukkan daya tarikan teknologi, tetapi ini juga menyebabkan motosikal mempunyai daya tahan lasak yang lebih rendah. Sungguhpun komponen yang berkualiti tinggi digunakan, pengurangan dan hakisan tetap akan berlaku. Tiub ekzos yang karat mungkin tidak dapat diperhatikan pada kereta tetapi ia akan menjejaskan imej untuk sesebuah motosikal kerana ia dapat dilihat dengan jelas. Penjagaan selalu dan menyeluruh tidak hanya patuh kepada syarat-syarat jaminan tetapi juga akan mengekalkan rupa, melanjutkan hayat kegunaan, dan mengoptimumkan prestasi motosikal.

Sebelum pembersihan

1. Tutup salur keluran ekzos dengan beg plastik selepas enjin dalam berkeadaan sejuk.
2. Pastikan semua penutup dan penyambungan elektrik, termasuk penutup palam pencucuh dipasang dengan ketat.
3. Tanggalkan kotaran seperti kesan minyak pada peti engkol dengan menggunakan ejen pencuci anti-gris, dan berus, tetapi jangan gunakannya pada seal, gasket, sprocket, rantai pemacu dan rod roda. Selalunya

basuh kekotoran dan anti-gris dengan air.

Pembersihan

PERHATIAN

- Elak menggunakan ejen pencuci roda berasid kuat terutamanya pada roda berjejari. Sekiranya produk ini yang digunakan untuk menanggalkan kesan kotoran, jangan biarkan pencuci di tempat berkenaan lebih lama daripada yang disyorkan. Juga, basuh bahagian tersebut dengan air secukupnya, keringkan serta merta dan kemudian sapukan dengan ejen penanggal karat.
- Pembersihan yang tidak sesuai akan mengakibatkan kerosakan pada pelindung angin, penutup, panel dan komponen-komponen plastik yang lain. Gunakan hanya kain yang lembut, bersih atau span dengan sabun yang sesuai dan air untuk membersihkan bahagian plastik.
- Jangan gunakan sebarang bahan kimia yang tidak bersesuaian terhadap komponen-komponen plastik. Hindarkan daripada penggunaan kain atau span yang mempunyai bahan pencuci yang

kuat, pelarut, bahan api (minyak petrol), ejen penanggal atau anti-karat, cecair brek, ejen anti-beku atau elektrolit.

- Jangan guna pembasuh tekanan tinggi atau stim jet kerana ia akan menyebabkan resapan air dan kemerosotan pada bahagian-bahagian berikutnya: penutup (untuk roda dan bering swing-arm, cabang hadapan dan brek), komponen elektrik (soket, penyambung dan lampu-lampu), saluran hembusan, dan lubang angin
- Untuk motosikal yang dilengkapkan dengan pelindung angin, jangan gunakan ejen pencuci yang kuat atau span yang kasar dimana ia akan mengakibatkan pudar dan calar. Sesetengah sebatian pembersih untuk plastik mungkin meninggalkan calar terhadap pelindung angin. Sebelum menggunakannya, cuba ejen pencuci di tempat terlindung pada pelindung angin. Sekiranya pelindung angin calar, gunakan sebatian mengilap yang berkualiti untuk menghilangkan calar.

PENJAGAAN DAN PENYIMPANAN MOTOSIKAL

Selepas penunggangan biasa

Tanggalkan kotoran dengan air suam, pencuci yang lembut, dan span yang lembut dan bersih, kemudian bilas secukupnya dengan air yang bersih. Gunakan berus gigi atau berus botol pada bahagian yang sukar dicapai. Kotoran dan serangga akan ditanggalkan dengan mudah sekiranya bahagian tersebut ditekap dengan kain basah untuk beberapa minit sebelum pembersihan.

Selepas penunggangan dalam hujan, berhampiran laut atau jalan "salt-sprayed"

Disebabkan oleh garam laut atau "salt sprayed" pada jalan semasa musim sejuk adalah terlalu menghakis apabila bercampur dengan air, jalankan langkah-langkah berikut selepas setiap penunggangan dalam hujan, berhampiran laut atau pada jalan "salt sprayed".

TIP

"Salt sprayed" pada jalan dalam musim sejuk akan hilang sebaik sahaja musim bunga tiba.

1. Basuh motosikal dengan air sejuk dan pencuci lembut, selepas enjin sejuk.

Perhatian: Jangan gunakan air suam kerana air suam akan meningkatkan tindakbalas hakisan terhadap garam.

2. Dapatkan semburan pelindung hakisan terhadap semua logam, termasuk permukaan yang bersalut dengan krom dan nikel, untuk mencegah hakisan.

Selepas pembersihan

1. Keringkan permukaan dengan "chamois" atau kain yang menyerap.
2. Keringkan rantai pemacu dengan serta merta dan lincirkannya untuk mencegah daripada karat.
3. Gunakan pengilap krom untuk mengilatkan krom, aluminium, dan komponen-komponen tanpa karat, termasuk sistem ekzos (Pelunturan warna melalui terma untuk komponen tanpa karat juga boleh ditanggalkan melalui pengilatan.)
4. Untuk mencegah hakisan adalah disyorkan untuk menggunakan semburan pelindung hakisan terhadap semua logam termasuk permukaan yang disalutkan dengan krom dan nikel.
5. Gunakan semburan minyak sebagai pembersih serbaguna untuk manangkan sebarang kotoran yang tertinggal.
6. Menghilangkan kesan calar kecil pada cat yang disebabkan oleh batu dan sebangainya.

7. Mengilatkan semua permukaan yang bercat.
8. Motosikal dikeringkan sepenuhnya sebelum disimpan atau ditutup.

AMARAN

- Pastikan tidak ada minyak atau lilin pada brek atau tayar. Sekiranya perlu, bersihkan disk brek dan pad brek dengan menggunakan pembasuh disk brek biasa atau aseton, dan bersihkan tayar tersebut dengan air suam dan pencuci yang lembut.
- Sebelum mengendalikan motosikal tersebut, uji keberkesanan brek dan sifat membelok motosikal.

PERHATIAN

- Gunakan semburan minyak dan penyembur penggilap dan pastikan ianya dilap sebaik.
- Jangan gunakan minyak atau penggilap pada sebarang komponen getah dan plastik, tetapi gunakan produk penjagaan yang bersesuaian.

PENJAGAAN DAN PENYIMPANAN MOTOSIKAL

- Elakkan daripada penggunaan sebatian penggilap yang keras seperti mana nerek akan melunturkan cat.

TIP

Dapatkan wakil Yamaha untuk pendapat mengenai produk yang sesuai digunakan.

Penyimpanan

Jangka masa pendek

Simpan motosikal anda pada tempat yang dingin dan kering, dan sekiranya perlu, lindungkannya daripada habuk dengan pelindung poros.

PERHATIAN

- Motosikal yang disimpan dalam bilik dimana pengaliran udaranya kurang baik atau terlindung dengan kain tapal, sementara motosikal masih basah, akan menyebabkan air dan kelembapan meresap masuk dan mengakibatkan pengurangan pada motosikal.
- Untuk mencegah pengurangan, elakkan menyimpan motosikal dalam bilik bawah tanah yang lembap, bangsal (disebabkan kehadiran ammonia) dan ditempat yang terdapat bahan kimia yang kuat.

Jangka masa panjang

Sebelum penyimpanan motosikal anda untuk beberapa bulan:

1. Ikut arahan didalam seksyen "Penjagaan " pada bab ini.

2. Untuk motosikal yang dilengkapi dengan penapis bahan api dimana terdapat kedudukan "OFF": Pusingkan picu penapis kepada kedudukan "OFF"
3. Kosongkan bahan api dalam kaburator pada ruang pelampung dengan melonggarkan bolt limpahan, untuk mencegah pendedapan bahan api daripada berlaku. Tuangkan bahan api ke dalam tangki bahan api.
4. Isikan tangki bahan api dan letakkan penstabil bahan api (sekiranya boleh didapati) untuk mencegah tangki bahan api daripada proses pengurangan dan juga kemerosotan kualiti bahan api.
5. Lakukan langkah-langkah berikut untuk melindungi silinder, gelang omboh, dan sebagainya daripada pengurangan.
 - a. Tanggalkan penutup palam pencucuh dan palam pencucuh.
 - b. Tuangkan sedikit minyak enjin melalui lubang palam pencucuh pada kepala silinder.
 - c. Pasangkan penutup palam pencucuh pada palam pencucuh dan ikat palam pencucuh ke dalam kepala silinder supaya elektrod terlindung. (Ini akan mengurangkan percikan api semasa langkah seterusnya.)

PENJAGAAN DAN PENYIMPAN MOTOSIKAL

- d. Hidupkan enjin beberapa kali dengan penghidup. (Ini akan melapiskan dinding silinder dengan minyak enjin yang dituang tadi)

AMARAN !

Untuk mencegah kerosakan disebabkan oleh percikan api, pastikan elektrod telah dibumikan semasa menghidupkan enjin.

- e. Tanggalkan penutup palam pencucuh daripada palam pencucuh, dan kemudian pasang semula palam pencucuh dan penutup palam pencucuh
6. Lincirkan semua kabel kawalan dan pangsi-pangsi untuk semua tuil dan pedal juga pangsi sisi dan pangsi tengah.
7. Periksa dan sekiranya perlu, laraskan tekanan angin tayar, dan letakkan motosikal dalam keadaan kedua-dua roda tidak mencecah permukaan lantai. Walaupun gerakan roda sedikit setiap bulan untuk mencegah tayar tersebut daripada rosak pada satu bahagian.

8. Lindungi saluran keluaran ekzos dengan beg plastik untuk mencegah kelembapan.
Keluarkan bateri dan caskan semula.
9. Simpan di tempat kering dan cas semula sekali sebulan. Jangan simpan bateri di tempat yang terlalu panas atau sejuk [kurang daripada 0 °C (30 °F) atau lebih daripada 30 °C (90 °F)]. Untuk informasi yang selanjutnya, lihat muka surat (6-28)

TIP

Memperbaiki bahagian-bahagian yang perlu sebelum menyimpan motosikal.

SPESIFIKASI

Dimensi:

Panjang keseluruhan:
2010 mm (79.13 in)

Lebar keseluruhan:
720 mm (28.3 in)

Tinggi keseluruhan:
1030 mm (40.6 in)

Tinggi tempat duduk:
790 mm (31.1 in)

Asas roda:
1300 mm (51.2 in)

Kelekaan minima rantai:
165 mm (6.49 in)

Jejari pusingan minima
2300 mm (90.55)

Berat:

Dengan minyak enjin dan bahan api:
125 kg (275 lb)

Enjin:

Jenis enjin:
4 lejang cecair disejukkan, SOHC

Penyusunan silinder:
Silinder tunggal, arah depan

Anjakan:
149.8 cm³ (9.14 cu.in)

Bore x lejang
57.0 58.7 mm (2.24 2.31 in)

Nisbah mampatan:
10.40 :1

Sistem penghidup:
Penghidup lektrik

Sistem pelinciran:
Takungan basah

Minyak enjin:

Jenis:
SAE20W40

Gred minyak enjin yang disyorkan:
Jenis API service SE

Kuantiti minyak enjin:
Tanpa penukaran elemen penapis minyak:
0.95 L (1.00 US qt) (0.75 Imp.qt)
Dengan penukaran elemen penapis minyak:
1.00 L (1.06 US qt) (0.80 Imp.qt)

Sistem penyejukan:

Muatan bekas simpanan bahan pendingin
(hingga paras maksimum):
0.24 L
Muatan "radiator":
0.83 L

Penapis udara:

Elemen penapis udara:
Elemen kering

Bahan api:

Bahan api disyorkan:
Gasolin tanpa plumbum biasa sahaja
Muatan tangki bahan api:
12.0 L (3.18 US gal) (2.64 Imp.gal)

Badan Pendikit

Buatan:
MIKUNI
Jenis x kuantiti
SE AC28-5 x 1

Palam Pencucuh:

Buatan/model:
NGK/CR8E, DENSO/U24ESR-N
Jarak palam pencucuh:
0.7–0.8 mm (0.027–0.031 in)

Klac:

Jenis klac:
Basah, disk berganda

Penghantaran:

Sistem pengurangan utama:
Gear "Spur"
Nisbah pengurangan utama:
73/24 (3.042)
Sistem pengurangan kedua:
Rantai pemacu
Sistem pengurangan kedua:
43/14 (3.071)
Jenis penghantaran:
5 kelajuan" constant mesh"
Operasi:
Operasi kaki kiri
Nisbah gear:
Pertama 34/12 (2.833)
Kedua 30/16 (1.875)
Ketiga 30/21 (1.429)
Keempat 24/21 (1.143)
Kelima 22/23 (0.957)

Casis:

Jenis rangka:
Intan

Sudut "caster":
26 °
"Trail":
97 mm

Tayar depan:
Jenis:
Tanpa tiub
Saiz:
90/80-17M/C 46P
Buatan/Model
KENDA RUBBER INDUSTRIAL CO.
Buatan/Model:
KENDA RUBBER INDUSTRIAL CO.

Tayar belakang:
Jenis:
Tanpa tiub
Saiz:
120/70-17M/C 58P
Buatan/Model
IRC/NF67
Buatan/Model:
DUNLOP/D102A

Muatan:
Muatan maksima:
201 kg (443 lb)
(Jumlah berat penunggang, penumpang,
karga dan aksesori)

**Tekanan angin tayar
(semasa sejuk);**
Depan:
200 kPa (29 psi) (2.00 kgf/cm²)

Belakang:
225 kPa (33 psi) (2.25 kgf/cm²)

Roda depan:
Jenis roda:
"Cast Wheel"
Saiz rim:
17 x 2.15

Roda belakang:
Jenis roda:
"Cast" Wheel
Saiz rim:
17x3.50

Brek depan:
Jenis:
Cakera brek tunggal
Operasi:
Operasi tangan kanan
Cecair disyorkan:
DOT 3 or 4

Brek belakang:
Jenis:
Cakera brek tunggal
Operasi:
Operasi kaki kanan

Suspensi depan:
Jenis:
Cabang teleskopik
Jenis penyerap hentak:
Spring gelung/peredam minyak
Perjalanan roda:
115.0 mm (4.52 in)

Suspensi belakang:
Jenis:
Lengan buai (monocross)
Jenis penyerap hentak:
Spring gelung/peredam minyak
Perjalanan roda:
104.0 mm

Sistem elektrik:
Sistem pencucuh:
TCI
Sistem pengecas:
AC magneto

Bateri:
Model:
MF Battery GTZ5S
Voltan kapasiti:
12 V, 3.5Ah

Lampu depan:
Jenis mentol:
Lampu Halogen

Voltan mentol, jumlah watt x kuantiti
Lampu depan:
12 V, 35 W/35.0 W 1
Lampu brek belakang:
12 V, 5.0 W/21.0 W 1
Lampu isyarat depan:
12 V, 10.0 W 2
Lampu isyarat belakang:
12 V, 10.0 W 2

SPESIFIKASI

Lampu tambahan:

12 V, 3.4 W 1

Lampu meter

Ilumi

(Dial) 13 V, 0.13 W x 2

(Pointer) 13 V, 0.13 W x 1

(LCD) 13 V, 0.26 W x 1

Lampu penunjuk neutral:

13 V, 0.13 W 1

Lampu amaran masalah enjin:

13 V, 0.26 W 1

Penunjuk lampu tinggi:

13 V, 0.13 W 1

Penunjuk lampu isyarat:

13 V, 0.13 W 1

Lampu amaran suhu:

13 V, 0.26 W 1

Fuis:

Fuis:

15 A

No. pengenalan


Catatkan nombor pengenalan kunci, nombor siri rangka dan nombor siri enjin di dalam ruang yang disediakan bawah untuk kemudahan menempah barang-barang ganti daripada wakil Yamaha dan juga untuk rujukan sekiranya motosikal dicuri.

NOMBOR PENGENALAN KUNCI:

NOMBOR SIRI RANGKA:

NOMBOR SIRI ENJIN:


Nombor Pengenalan Kunci



1. Nombor pengenalan kunci

Nombor pengenalan kunci dicapkan pada kunci. Catatkan nombor ini di dalam ruang yang disediakan untuk kemudahan menempah kunci baru.

Nombor siri kenderaan



1. Nombor siri kenderaan


Nombor siri kenderaan terdapat pada rangka motosikal.

TIP

Nombor siri rangka digunakan sebagai pengenalan motosikal anda dan akan digunakan untuk mendaftar motosikal anda mengikut penguatkuasaan perlesenan di kawasan anda.

MAKLUMAT PENGGUNA

Nombor Siri Enjin



1. Nombor Siri Enjin

Nombor siri enjin terdapat pada kotak enjin.

YAMALUBE®

HIGH PERFORMANCE



Pelincir Tulen Yamaha



YAMAHA

YAMAHA MOTOR CO., LTD.

PRINTED IN MALAYSIA